

PENGEKALAN WAYANG KULIT WONG DI PARIT RAJA,  
JOHOR

NURUL JANNAH BINTI HASSIN

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN

2022

FTKW



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKW

**PENGEKALAN WAYANG KULIT WONG DI PARIT RAJA,  
JOHOR**

**OLEH:**

**NURUL JANNAH BINTI HASSIN**

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat Kelayakan  
Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



NURUL JANNAH BINTI HASSIN

Tarikh: 25.2.2022

Disahkan Oleh:



(Tanda tangan penyelia)

Nama: NORAZLINDA BINTI  
MOHAMED ROSDI

Tarikh: 28/02/2022

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work contained in this thesis is the result of original research and has never been submitted by a higher degree to any University or institution.

**OPEN ACCESS** I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972)\*

**RESTRICTED** (Contains limited information set by the organization where the research is conducted)\*

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan has the following rights:

1. Thesis is the property of Universiti Malaysia Kelantan.
2. Universiti Malaysia Kelantan Library has the right to make copies for study purposes only.
3. Libraries are allowed to make copies of this thesis as exchange material between educational institutions

Signature



Signature of Principal Supervisor



IC/PASSPORT: 991126065484

DR NORAZLINDA BTMOHAMED ROSDI

Date: 25/2/2022

Date: **28/02/2022**

Note: \* If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang, selawat serta salam ke atas junjungan nabi Muhammad Ibni Abdullah SAW, ahli keluarganya yang suci serta para sahabat baginda yang terpilih. Alhamdulillah, saya mengucapkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi kerana keizinan rahmat dan hidayatNya membolehkan saya berjaya menyiapkan penulisan laporan projek penyelidikan walaupun telah menempuhi pelbagai cabaran dan dugaan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi kerana telah banyak membantu, memberi sokongan dan bimbingan sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih ini saya tujukan juga buat panel iaitu Dr. Suraya Binti Sukri kerana telah memberi nasihat dan komen mengenai kajian saya ketika proses pembentangan. Setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan saya tujukan kepada ahli keluarga saya yang banyak berkorban tidak kira dari segi tenaga dan kewangan disamping memberikan motivasi sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Tidak lupa juga ribuan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada informan-informan iaitu Encik Anuar Bin Jamingan dan pegawai di Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara iaitu Puan Hafizah Binti Hasan kerana sudi berkongsi maklumat yang terperinci sekaligus membantu saya menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, ribuan penghargaan kepada para sahabat seperjuangan yang sentiasa membantu saya dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan yang berlaku sepanjang menjalankan kajian ini. Sesungguhnya Allah sahaja yang mampu membalas segala baik budi semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## PENGEKALAN WAYANG KULIT WONG DI PARIT RAJA, JOHOR

### ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Pengekalan Wayang Kulit Wong Di Parit Raja, Johor. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor disamping mengkaji persepsi masyarakat Parit Raja mengenai Wayang Kulit Wong. Selain itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menganalisis kaedah yang bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor. Wayang Kulit Wong merupakan sebuah teater yang menggabungkan tiga elemen penting iaitu seni lakon, tari dan muzik. Wayang Kulit Wong adalah seni persembahan yang datang dari Jawa, Indonesia dan telah dibawa masuk oleh penghijrah Jawa pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Persembahannya mencerminkan budaya keturunan Jawa. Wayang Kulit Wong Johor pula persembahan kesenian versi Johor yang menggabungkan Wayang Kulit Wong dan Wayang Kulit Purwo. Persembahan Wayang Kulit Wong di Johor bertujuan hiburan semata-mata dan tidak berkonsepkan penyembahan. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan data dan maklumat. Kajian ini turut menggunakan kaedah pengumpulan data menerusi pelbagai jenis seperti temubual, soal selidik, kajian lapangan, kaedah kepustakaan dan sumber internet. Hasil dari dapatan kajian membolehkan pengkaji mengetahui sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong dengan lebih terperinci. Pada akhir bab ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan dan saranan kepada pihak-pihak berkepentingan khususnya dalam memelihara dan mengekalkan kesenian Wayang Kulit Wong agar terus relevan sehingga generasi akan datang.

Kata Kunci: Wayang Kulit Wong, sejarah dan perkembangan, persepsi, kaedah memelihara, Johor

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**THE PRESERVATION OF WAYANG KULIT WONG DI PARIT RAJA,  
JOHOR**

**ABSTRACT**

The aim of this research is “The Preservation Of Wayang Kulit Wong In Parit Raja, Johor”. This study was conducted to find out the history and development of Wayang Kulit Wong in Parit Raja, Johor, in addition to studying the perception of the Parit Raja community about Wayang Kulit Wong. Besides, this study aims to analyze the appropriate methods to preserve Wayang Kulit Wong in Parit Raja, Johor. Wayang Kulit Wong is the theatre that combines three important elements namely acting, dance and music. Wayang Kulit Wong is a performing arts that came from Java, Indonesia and was brought in by Javanese migrants in the late 19th and early 20th centuries. The performance reflects the culture of Javanese descents. Wayang Kulit Wong Johor is a Johor version of the art performance that combines Wayang Kulit Wong and Wayang Kulit Purwo. Wayang Kulit Wong in Johor version is for entertainment only and does not have the concept of worship. This study uses qualitative and quantitative approaches to obtain data and information. It also use some data collection method through various types such as interviews, questionnaire, field studies, library methods and internet resources. The results of the study allow researcher to get more information about the history and development of Wayang Kulit Wong. At the end of this chapter, the researcher will present some suggestions and recommendations to stakeholder, especially in preserving and maintaining the art of Wayang Kulit Wong to keep relevant until the next generation.

Keywords: Wayang Kulit Wong, history and development, perception, method of preserving, Johor

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKWW

## ISI KANDUNGAN

## HALAMAN

<b>PERAKUAN TESIS</b>		i
<b>THESIS CERTIFICATE</b>		ii
<b>PENGHARGAAN</b>		iii
<b>ABSTRACT</b>		iv
<b>ABSTRAK</b>		v
<b>ISI KANDUNGAN</b>		vi
<b>SENARAI GAMBAR</b>		x
<b>SENARAI PETA</b>		ix
<b>SENARAI CARTA</b>		ix
<b>SENARAI CARTA PAI</b>		ix
<b>SENARAI GRAF</b>		x
<b>SENARAI KEPENDEKKAN</b>		x
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	3
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
	1.6.1 Individu	8
	1.6.2 Masyarakat	8
1.7	Kerangka Teori	10
1.8	Kesimpulan	11



<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.0	Pengenalan	12
2.1	Kajian Lepas	12
2.2	Definisi Terma	13
2.3	Definisi Seni Persembahan Secara Umum	13
2.4	Sejarah Perkembangan Seni Wayang Kulit Wong	14
2.5	Kesimpulan	16
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pengenalan	18
3.1	Kaedah Kajian	18
	3.1.1 Kaedah Kualitatif	19
	3.1.2 Kaedah Kuantitatif	19
3.2	Rekabentuk Kajian	20
3.3	Teknik Pengumpulan Data	23
	3.3.1 Data Primer	23
	3.3.2 Data Sekunder	25
3.4	Persampelan	25
3.5	Analisis Data	27
3.6	Kesimpulan	27
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0	Pengenalan	30
4.1	Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Wayang Kulit Wong Di Parit Raja, Johor	31
4.2	Mengkaji Persepsi Masyarakat Parit Raja, Johor Mengenai Wayang Kulit Wong	39
	4.2.1 Analisis Temubual Responden	40

	4.2.2 Analisis Soal Selidik Responden	41
4.3	Menganalisis Kaedah Yang Bersesuaian Untuk Memelihara Wayang Kulit Wong Di Parit Raja, Johor	50
	4.3.1 Mempromosikan Wayang Kulit Wong Menggunakan Aplikasi Media Sosial	52
	4.3.2 Kolaborasi Bersama Pihak Berkepentingan Yang Lain	54
	4.3.3 Mengadakan Bengkel Seni Teater	55
4.4	Kesimpulan	56
<b>BAB V</b>	<b>PENUTUP</b>	
5.0	Pengenalan	58
5.1	Perbincangan	60
5.2	Cadangan Dan Saranan	62
	5.2.1 Di Peringkat Masyarakat	62
	5.2.2 Di Peringkat Pendidikan	63
	5.2.3 Di Peringkat Kerajaan	64
5.3	Penutup	64
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	67
	<b>LAMPIRAN</b>	68

## SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR		HALAMAN
Gambar 1	Sesi Temubual Atas Talian	32
Gambar 2	Poster Aturcara Wayang Wong	32
Gambar 3	Persembahan Wayang Wong 2017	39
Gambar 4	Sesi Temubual Responden	40
Gambar 5	Cadangan Responden Menerusi Soal Selidik	50
Gambar 6	Cadangan Responden Menerusi Soal Selidik	51
Gambar 7	Cadangan Responden Menerusi Soal Selidik	51
Gambar 8	Cadangan Responden Menerusi Soal Selidik	52

## SENARAI PETA

NO. PETA		HALAMAN
Peta 1	Peta Daerah Batu Pahat Johor	6
Peta 2	Peta Bandar Parit Raja	7

## SENARAI CARTA

NO. CARTA		HALAMAN
Carta 1	Carta Alir Rekabentuk Kajian	21

## SENARAI CARTA PAI

<b>NO. CARTA PAI</b>		<b>HALAMAN</b>
Carta Pai 1	Demografi Jantina	42
Carta Pai 2	Demografi Umur	42
Carta Pai 3	Demografi Bangsa	43
Carta Pai 4	Demografi Status Pekerjaan	44

## SENARAI GRAF

<b>NO. GRAF</b>		<b>HALAMAN</b>
Graf 1	Persepsi Terhadap Kewujudan Wayang Wong	44
Graf 2	Persepsi Yang Pernah Menonton Wayang Wong	45
Graf 3	Persepsi Mengetahui Wayang Wong Pengaruh Daripada Hindhu-Buddha	46
Graf 4	Persepsi Mengetahui Wayang Wong Adalah Seni Pertunjukan Jawa	47
Graf 5	Persepsi Sama Ada Golongan Muda Didedahkan Dengan Wayang Wong	47
Graf 6	Persepsi Pernah Menyertai Acara Wayang Wong Atau Tidak	48
Graf 7	Mempunyai Minat Terhadap Wayang Wong	49
Graf 8	Persepsi Keyakinan Wayang Wong Perlu Dipersembahkan Kepada Masyarakat Umum	49

## SENARAI KEPENDEKKAN

- JKKN - Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara
- ASWARA - Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FTKW

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai jenis seni persembahan tradisional yang masih lagi aktif hingga sekarang. Namun, terdapat juga sebahagian daripada seni persembahan terdahulu yang hampir pupus kerana arus kemodenan. Setiap negeri dalam Malaysia mempunyai adat dan budaya yang tersendiri yang diturunkan sehingga ke generasi sekarang. Begitu juga dengan negeri Johor yang mempunyai keunikannya tersendiri di mana dipengaruhi oleh budaya jawa, budaya tanah melayu dan budaya sumatera. Johor Bahru pula yang terletak di selatan merupakan ibu kota bagi negeri Johor. Dalam pada itu, daerah- daerah utamanya ialah Kluang, Muar dan Batu Pahat. Negeri Johor ini juga mempunyai pelbagai jenis tradisi dan seni persembahan yang menarik. Ada juga seni persembahan yang telah dipengaruhi daripada budaya jawa dan Indonesia. Sebagai contohnya, tarian masri, Wayang Kulit Purwo, Wayang Kulit Wong dan sebagainya. Persembahan Wayang Kulit Wong ini berasal dari Jawa dan kini telah aktif bermain di Malaysia terutama negeri Johor.

Istilah kesenian dapat diuraikan sebagai sesuatu karya yang mempunyai keindahan yang luar biasa dan sinonim dengan sifat manusia. Seperti yang kita tahu, manusia amat gemar kepada sesuatu yang terlihat cantik dan indah. Hal ini secara tidak langsung akan mewujudkan kepada hasil ciptaan seni. Seni persembahan pula

boleh didefinisikan sebagai semua manifestasi artistik yang telah dicipta untuk ditayangkan atau dipentaskan di atas panggung seperti teater, tarian dan juga muzik.

Secara asasnya, seni persembahan mempunyai tiga elemen penting dan tidak dapat dipisahkan iaitu persembahan, pentas dan masyarakat penerima. Begitu juga dengan seni pertunjukan yang mempunyai makna yang sama dengan seni persembahan dimana kedua-duanya mempunyai pengarah yang bertugas untuk mengatur elemen-elemen yang membentuk panggung seperti pencahayaan, hiasan, kostum dan persembahan supaya berjalan dengan lancar.

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru ada mentakrifkan wayang adalah patung dan lain-lain dibuat dari kulit dan lain-lain untuk mempertunjukkan sesuatu cerita. Di samping itu, wayang kulit juga diklasifikasikan sebagai sesuatu yang menggabungkan faktor bahan buatan, kaedah pembuatan, strategi penayangan dan tidak terkecuali penggerak lakonan wayang yang digelar Dalang. Dalang memainkan peranan penting dalam menjayakan sesuatu persembahan wayang kulit. Hal ini kerana Dalang berperanan sebagai tukang cerita dan memainkan wayang kulit dengan menggerak-gerakkan wayang kulit menjadikan watak cerita sambil turut diiringi irama yang bersesuaian dengan jalan cerita.

Secara keseluruhannya, kajian yang dilaksanakan ini adalah secara umum adalah mengenai usaha dalam memelihara Wayang Kulit Wong di Parit Raja Johor. Seperti yang kita ketahui, seni drama tari ini berasal dari Jawa dan telah aktif dimainkan di negeri Johor. Pada tahun 2018, Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Johor telah menganjurkan persembahan Wayang Kulit Wong di Parit Raja. Jadi, kajian ini turut memfokuskan tentang perspektif masyarakat di kawasan Parit Raja mengenai Wayang Kulit Wong. Disamping itu kajian ini juga akan membincangkan mengenai kaedah-kaedah yang bersesuaian dalam memelihara Wayang Kulit Wong.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Negeri Johor merupakan sebuah negeri yang turut kaya dengan adat keseniannya yang tersendiri. Terdapat beberapa seni pentas yang berasal dari negeri ini diantaranya ialah tarian zapin, ghazal, seni teater dan sebagainya. Batu Pahat adalah sebuah daerah di Johor, Malaysia. Daerah ini terbahagi kepada dua zon utama iaitu zon timur dan barat. Terdapat banyak pekan dalam zon barat daerah Batu Pahat ini diantaranya Rengit, Senggarang, Tongkang Pechah, Sri Gading, Semerah, Bandar Penggaram dan Parit Raja. Selain itu, pekan yang terdapat di zon timur pula ialah seperti Yong Peng, Parit Sulong, Sri Medan, Parit Ya'ani, Lan Lee, Kangkar Baru dan Ayer Hitam.

Sememangnya, Wayang Kulit Wong merupakan seni drama tari berasal dari Jawa. Namun, seni pentas Wayang Kulit Wong diperkenalkan di Johor oleh salah seorang tokoh Wayang Kulit Purwo iaitu Wak Margono Sitir pada sekitar tahun 80an. Wayang Kulit Wong Johor telah memasukkan serta menggabungkan tiga elemen penting dalam seni persembahan iaitu lakon, muzik dan tari. Wayang Kulit Wong yang termasuk dalam kategori pertunjukan drama tari merupakan wayang yang dimainkan menggunakan orang sebagai tokoh dalam cerita wayang tersebut.

Wayang Kulit Wong adalah perkataan berasal dari Jawa yang memberi maksud wayang orang. Drama tari ini direka oleh Sultan Hamengkurajit pada tahun 1731. Wayang Kulit Wong ini berasal dari Sumatera dan kini telah bertapak di Malaysia khususnya di negeri Johor. Bersesuaian dengan sebutannya, Wayang Kulit Wong tidak dimainkan menggunakan boneka wayang tetapi dengan menggunakan manusia-manusia sebagai pengganti kepada boneka tersebut. Dalam persembahan Wayang Kulit Wong ini pelakon menggayakan pakaian yang sama seperti hiasan-hiasan dalam wayang kulit. Wayang Kulit Wong juga tergolong dalam drama seni tari tradisional.



Di samping itu, cerita yang dimainkan dalam Wayang Kulit Wong ini berdasarkan pada kisah Mahabrata dan Ramayana yang mengandungi kisah moral. Seni pertunjukan ini juga banyak dipengaruhi oleh budaya dari India. Gaya panggungnya yang unik membuatkan penonton terasa kembali ke zaman dahulu. Wayang Kulit Wong juga adalah suatu seni kebudayaan yang mempunyai pengajaran di mana untuk memahami falsafah hidup, etika dan tuntutan budi pekerti supaya diamalkan dalam kehidupan seharian. Terdapat unsur-unsur yang ada dalam Wayang Kulit Wong iaitu seperti gedung, dalang, gamelan, pengarah, gerak tari, busana, rias, lampu dan suara. Semua unsur ini secara tidak langsung dapat memberi suasana yang baik pada pelakon dan memberi keselesaan kepada penonton.

Wayang Kulit Wong adalah saling berkait dengan Wayang Kulit Purwo. Banyak persamaan yang terdapat diantara Wayang Kulit Purwo dan Wayang Kulit Wong. Wayang Kulit Wong juga merupakan salah satu bentuk seni pertunjukan tradisional Jawa terutama penduduk Jawa Tengah. Secara keseluruhannya, Wayang Kulit Wong Johor muncul atas dorongan dan galakkan daripada Wak Margono Sitir kerana beliau merupakan tokoh wayang kulit ternama di negeri Johor.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Dalam melaksanakan kajian ini terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi pengkaji. Kaedah saintifik sesuatu penyelidikan harus bermula dengan pengalaman, kesusahan atau permasalahan (John Dewey 1910). Sememangnya, Permasalahan dalam kajian mempunyai definisi yang luas. Antaranya, permasalahan kajian dapat diberi makna sebagai sesuatu isu, kontroversi atau keprihatinan yang ingin dikaji (Creswell 2005: 61). Masalah dalam kajian amat penting kerana sebagai faktor menentukan sama ada sesebuah kajian perlu dilaksanakan atau tidak. Hal ini juga adalah penting dalam mendorong dan meransang dengan adanya permasalahan yang relevan.

Permasalahan kajian yang paling utama mengenai Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor adalah ketidakpedulian masyarakat dalam memelihara Wayang Kulit Wong sehingga masyarakat kini kurang mengenali akan kategori seni persembahan ini. Hal ini kerana Wayang Kulit Wong ini jarang dipersembahkan pada zaman kini. Tambahan pula, Wayang Kulit Wong ini agak asing bagi generasi muda. Masalah ini agak serius dan patut dibendung kerana seni persembahan Wayang Kulit Wong ini telah lama wujud dan bertapak di Johor namun masih tidak popular dalam kalangan masyarakat.

Usaha dalam memelihara Wayang Kulit Wong ini amat penting untuk kekal relevan hingga ke generasi seterusnya. Hal ini kerana bagi mengelakkan Wayang Kulit Wong dari pupus dek arus kemodenan. Berdasarkan permasalahan kajian ini juga pengkaji perlu mengenalpasti terlebih dahulu mengenai bagaimana sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong bermula di Johor. Hal ini adalah penting bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat sekaligus dapat menjawab objektif kajian yang kedua mengenai persepsi masyarakat di Parit Raja. Kajian yang dilaksanakan mengenai Wayang Kulit Wong ini tidak begitu banyak. Hal ini akan menyukarkan para pengkaji lain untuk mengkaji dan menjadikannya sebagai bahan pendidikan. Kajian yang ada banyak menjelaskan mengenai Wayang Kulit Wong di Indonesia dan tidak banyak berkaitan di negeri Johor.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian adalah masalah yang dilihat pengkaji bagi menjalankan penyelidikan ini. Antara persoalan yang ditetapkan dalam kajian ialah:

- i) Bilakah sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor?
- ii) Bagaimanakah persepsi masyarakat di Parit Raja, Johor terhadap Wayang Kulit Wong?
- iii) Apakah kaedah yang bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong?


#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini memerlukan beberapa langkah yang penting bagi pengkaji iaitu mengenalpasti beberapa tujuan atau objektif kajian. Antara objektif kajian yang ditetapkan ialah:

- i) Menenalpasti sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor.
- ii) Mengkaji persepsi masyarakat di Parit Raja, Johor mengenai Wayang Kulit Wong.
- iii) Menganalisis kaedah yang bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong.

#### 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian bermaksud batasan kajian yang dijalankan seperti lokasi yang difokuskan oleh pengkaji untuk menjalankan penyelidikan. Negeri Johor merupakan sebuah negeri yang mempunyai pelbagai jenis seni persembahan yang menarik. Pengkaji telah menetapkan lokasi Parit Raja, Johor bagi melaksanakan kajian mengenai Wayang Kulit Wong ini. Dalam pada itu, kajian ini turut menumpukan terhadap masyarakat yang tinggal di Parit Raja. Bersesuaian dengan objektif kajian ini, pengkaji ingin menilai dengan lebih lanjut mengenai persepsi masyarakat di situ tentang seni persembahan Wayang Kulit Wong ini.



Peta 1: Peta Daerah Batu Pahat Johor

Sumber: Carian Google



Peta 2: Peta Bandar Parit Raja di Daerah Batu Pahat

Sumber: Carian Google

Berdasarkan peta di atas merupakan lokasi pengkaji untuk melakukan penyelidikan iaitu di daerah Batu Pahat Johor. Negeri Johor merupakan sebuah negeri dalam Malaysia yang terletak di selatan semenanjung Malaysia. Johor juga mempunyai pelbagai jenis seni persembahan yang dipengaruhi oleh negara luar seperti Indonesia sejak turun temurun. Dalam kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan tempat yang spesifik untuk menjalankan kajian iaitu di Parit Raja. Parit Raja adalah zon timur dalam daerah Batu Pahat.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti usaha dalam memelihara Wayang Kulit Wong supaya dapat dikekalkan sehingga generasi akan datang. Selain itu, kepentingan dalam kajian ini juga adalah bagi meninjau persepsi masyarakat di kawasan Parit Raja mengenai Wayang Kulit Wong bagi memudahkan pengkaji menyelidik kaedah yang bersesuaian untuk memelihara seni persembahan ini daripada mengalami kepupusan.

### **1.6.1 Individu**

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada individu kerana melalui kajian yang dijalankan ini, individu dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan mencari pengalaman baru dalam menyelidik mengenai Wayang Kulit Wong. Tambahan pula, kepentingan lain adalah seseorang individu dapat memahami dengan lebih jelas mengenai sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong dan bagaimana Wayang Kulit Wong ini boleh bertapak di Johor.

### **1.6.2 Masyarakat**

Kajian ini dapat memberi pendedahan serba sedikit kepada masyarakat mengenai seni persembahan kategori Wayang Kulit Wong. Hal ini kerana Wayang Kulit Wong jarang dipersembahkan dan kurang popular dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, kepentingan melalui kajian ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang seni persembahan Wayang Kulit Wong yang mempunyai nilai-nilai estetika yang tersendiri

### **1.7 KERANGKA TEORI**

Teori bermaksud suatu sistem idea yang bertujuan untuk menjelaskan serta menghuraikan sesuatu terutama berdasarkan idea-idea umum yang bebas daripada perkara yang dijelaskan. Teori yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian terhadap Wayang Kulit Wong ini adalah Teori Semiotik. Teori ini dipilih berikutan dengan kesesuaian terhadap kajian yang dijalankan ini iaitu khusus mengenai seni pertunjukan atau persembahan yang merangkumi pelbagai aspek.

Teori Semiotik merupakan teori yang penting dalam wacana bahasa dan sastera. Semiotik juga membawa maksud secara terminologinya dan pemahamannya dapat didefinisikan sebagai pengetahuan mengenai sesuatu simbol atau tanda serta digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk kajian terhadap seni persembahan. Dalam konteks ini, simbol yang dimaksudkan adalah merangkumi pelbagai bidang seperti menyentuh aspek kebudayaan, kemasyarakatan dan sistem kehidupan yang telah menggunakan simbol ini sebagai salah satu kaedah untuk menyampaikan komunikasi yang berkesan dan membawa maksud yang tertentu.



Secara umum, semiotik boleh digambarkan sebagai kesadaran tentang tanda dan sistem tanda. Sebilangan pendapat mendefinisikan semiotik sebagai kesadaran yang menangani sistematik dengan tanda, simbol, dan proses simbolisme. Apabila keperluan untuk menggambarkan tanda timbul, konsep asas ini dapat diubah menjadi kompleks. Kesukaran untuk mencapai kesepakatan dan persetujuan mengenai definisi tanda ini menjadikannya sukar untuk bersepakat mengenai definisi semiotik.

Fungsi teori ini adalah untuk memahami bagaimana sesuatu makna dicipta dan dikomunikasikan melalui sistem simbol yang terdiri daripada seni pertunjukan. Sebagai contoh, seni pertunjukan yang dapat dilihat dari segi pergerakan, latar belakang, muzik, lirik dan sebagainya. Terdapat dua orang tokoh teori semiotik iaitu Charles Sanders Pierce dan Ferdinand De Saussure.

Semiotik teater atau pertunjukan wayang adalah teori tanda yang terdapat dalam seni pertunjukan teater. Seperti yang kita tahu, Wayang Kulit Wong merupakan drama seni tari tradisional masyarakat Jawa. Jadi, semiotik teater adalah untuk memahami komponen-komponen dalam teater dan menetapkan bahawa semua yang terdapat dalam kerangka teater ialah tanda. Selain itu, semiotik juga memberi implikasi terhadap analisis bahasa-bahasa panggung yang merangkumi gambar, fizik dalam teater bagi menetapkan sesuatu makna. Tanda- tanda yang terdapat dalam teater perlu disusun supaya penonton dapat menginterpretasikan fenomena yang ditayangkan.

Terdapat sistem tanda yang berkaitan dengan komunikasi pergerakan tubuh atau “gesture”. Pergerakan tubuh memainkan peranan penting dalam menghidupkan sesuatu makna pertunjukan. Dalam sesebuah pementasan, pelakon menggunakan pergerakan tubuh bagi menunjukkan hubungannya dalam sesebuah drama dan pengucapan bahasa juga melibatkan pergerakan tubuh. Penguasaan dalam bahasa tubuh dapat membantu dalam menetapkan makna sesuatu ucapan atau dialog dalam sesebuah persembahan. Seterusnya, terdapat sistem tanda “make-up” atau solekan dalam konteks teori semiotik ini. Seperti yang kita tahu, solekan pada wajah pelakon adalah untuk menghidupkan lagi watak lakonan dalam persembahan. Aristotle ada menyatakan

bahawa jiwa dan raga merupakan hubungan analogi. Dengan erti kata lain, luaran yang bagus termasuk wajah menggambarkan dalaman seseorang. Konsep pemaknaan dari Aristotle ini adalah relevan dari sudut persembahan lakonan tradisional. Di samping itu, selain daripada sistem tanda solekan, sistem tanda busana termasuk dalam sistem yang terpenting bagi menghidupkan sesebuah persembahan.

Secara keseluruhannya teori semiotik adalah sebuah teori yang berkembang dalam pelbagai disiplin ilmu. Dalam seni persembahan, teori semiotik digunakan bagi mengkaji mengenai aspek verbal seperti teks dan dialog serta aspek non-verbal seperti gerak-tari, pakaian mimik muka dan sebagainya.

## **1.8 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, kajian yang dijalankan mengenai Wayang Kulit Wong ini berdasarkan tiga objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu mengenalpasti sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor, menilai persepsi masyarakat di Parit Raja mengenai Wayang Kulit Wong dan menganalisis kaedah yang bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong. Secara tidak langsung, objektif dapat menjawab segala mengenai persoalan kajian. Pengkaji memfokuskan lokasi Parit Raja dalam melaksanakan kajian terhadap Wayang Kulit Wong.

Sememangnya, Wayang Kulit Wong berasal dari Indonesia dan dibawa masuk ke dalam negara Malaysia. Wayang Wong kini aktif dipersembahkan terutama di negeri Johor. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetahui betapa pentingnya semua jenis kategori seni persembahan termasuk Wayang Kulit Wong ini yang patut dijaga dan dipertahankan.

Kajian terhadap Wayang Kulit Wong ini amat penting bagi meninjau sekaligus dapat menilai persepsi dan pandangan masyarakat mengenai seni persembahan Wayang



Kulit Wong ini di Parit Raja. Dalam pada itu, kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti usaha-usaha yang dapat dilakukan dalam memelihara Wayang Kulit Wong supaya tidak mengalami kepupusan. Pengkaji juga mengharapkan seni persembahan kategori ini tidak dilupakan oleh masyarakat kini terutamanya golongan muda.

FTKWW

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 PENGENALAN

Bab ini akan menghuraikan dengan lebih jelas mengenai terma berkaitan dengan objektif dalam kajian, latar belakang Wayang Kulit Wong dan kaitannya dengan masyarakat setempat serta kajian-kajian lepas mengenai Wayang Kulit Wong ini. Segala fakta dan maklumat yang diperolehi adalah berpandukan kajian lepas. Oleh itu, pengkaji mencari dan menggunakan beberapa kajian lepas untuk dijadikan bahan rujukan dan panduan berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji.

#### 2.1 KAJIAN LEPAS

Umumnya, kajian mengenai Wayang Kulit Wong tidak begitu banyak dan telah dilakukan penyelidikan dalam mengenalpasti sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Johor serta menilai persepsi masyarakat terhadap dramatari ini. Dalam pada itu, kajian ini juga dilaksanakan berdasarkan beberapa sumber rujukan sama ada melalui buku ataupun laman web, hasil kajian lepas yang ditemui dalam sumber internet.

## 2.2 DEFINISI TERMA

Perkataan wayang bermaksud patung dan lain-lain dibuat dari kulit dan lain-lain untuk mempertunjukkan sesuatu cerita. Seterusnya, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) ada mentakrifkan bahawa penonton adalah orang yang menonton sesuatu pertunjukan, penengok, pelihat, penyaksi, saksi pemerhati, pendengar, hadirin dan khalayak serta orang yang menonton sahaja tanpa mengikut serta. Menurut Longman Dictionary (1995) telah mendefinisikan penonton sebagai sekumpulan orang yang dapat melihat dan boleh mendengar seseorang bercakap atau membuat persembahan di khalayak umum. Disamping itu, Longman turut mentakrifkan “sebagai bilangan atau golongan manusia yang selalu melihat atau mendengar rancangan tertentu.

Persepsi dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang dialami oleh seseorang dan ia berpancukan kepada selera, gerak kerja, suara rasa dan bau (Morgan 1987). Menurut definisi tersebut dapat disimpulkan bahawa persepsi adalah proses bagaimana seseorang memilih, mengatur dan menginterpretasikan maklumat serta pengalaman yang diperoleh kemudian menafsirkannya untuk menciptakan gambaran. Ramai tokoh yang mempunyai pendapat sendiri dalam mendefinisikan istilah persepsi.

## 2.3 DEFINISI SENI PERSEMBAHAN SECARA UMUM

Menurut Nasuruddin (2003) menyatakan bahawa seni merupakan bentuk budaya yang dapat dibahagikan kepada pelbagai unsur termasuk muzik, kraftangan, senibina, tarian dan sebagainya. Segala unsur seni mempunyai makna yang tersendiri. Seni juga merangkumi banyak pecahan termasuklah seni persembahan, seni tarian, muzik dan sebagainya.

Seni persembahan ditakrifkan sebagai perkara yang dipraktikkan dan dikaitkan dengan sikap melalui seni persembahan dengan cara tertentu bagi melihat sesuatu kerja

ataupun melalui penyampaian yang dihasilkan seperti tarian, muzik, ukiran atau teater disamping mempunyai makna dan nilai estetika yang tersendiri. (Nick Kaye, 2015). Seni persembahan juga merupakan sebuah karya seni yang memerlukan kreativiti, seni dan kemantapan dalam berkarya. Istilah seni persembahan telah digunakan secara meluas sejak tahun 1970an.

#### **2.4 SEJARAH PERKEMBANGAN SENI PERSEMBAHAN WAYANG KULIT WONG**

Seni persembahan Wayang Kulit Wong berasal dari Sumatera yang menjadi tradisi turun temurun disana. Seni persembahan budaya Jawa ini secara umum dipengaruhi oleh kisah Mahabharata dan Ramayana dari India yang telah bercampur dengan budaya tempatan. Umumnya, Mahabharata mula terkenal di Jawa sekitar abad 10 masihi. Wayang Kulit Wong atau wayang orang pertama kali dipersembahkan pada tahun 1760. Pada awalnya, dari segi pemakaian pelakon amat besederhana. Selain itu, masyarakat cina yang tinggal di Surakarta yang telah mengembangkan kesenian wayang orang. Perkembangan seni Wayang Kulit Wong telah berkembang dengan baik di Surakarta berbanding di Jogjakarta.

Menurut “Sinkritisme Dalam Wayang Kulit Wong Johor” yang ditulis oleh Mohd Kipli Abdul Rahman (2019) menyentuh mengenai seni persembahan Wayang Kulit Wong yang terdapat di negeri Johor. Disamping itu, sinkritisme pula mengajak pembaca supaya mendalami seni ini yang meliputi pelbagai kepercayaan seperti ritual, magik dan mitos bagi tiga pengaruh keagamaan. Buku ini turut menerangkan sejauh mana Wayang Kulit Wong telah dipengaruhi oleh budaya tempatan sehingga terhasilnya sebuah teater yang tersendiri.

Makalah yang ditulis oleh Ruastiti, Komang Suderga dan Gede Yudarta (2020) tentang “Persembahan Estetik Wayang Kulit Wong Millenial”. Tujuan artikel ini adalah untuk mengkaji unsur-unsur estetika persembahan Wayang Kulit Wong sebagai

tokoh revolusi Bali Wayang Kulit Wong. Secara umum, struktur estetika produksi Wayang Kulit Wong Bali tradisional dilakukan oleh penari lama dan juga senior. Estetika struktur Wayang Kulit Wong Millennial, sebaliknya dipentaskan dengan memasukkan penari junior yang masih kanak-kanak. Hal ini telah menimbulkan pertanyaan seperti "Apa bentuk seni pertunjukan Millennial Wayang Kulit Wong? Menurut hasil kajian lepas, Seni persembahan Millennial Wayang Kulit Wong adalah seni persembahan Wayang Kulit Wong yang kreatif di Bali. Dengan memasukkan anak-anak sebagai penari Wayang Kulit Wong, persembahan Wayang Kulit Wong Millennial telah dinilai sebagai seni persembahan Wayang Kulit Wong Bali yang sangat besar. Dari segi sifat tarian, solekan fesyen, koreografi, kisah penceritaan wayang, pencahayaan, dan pertunjukan, jelas menunjukkan bahawa produksi Wayang Kulit Wong Millennial mempunyai kerangka seni yang tersendiri. Persembahan Wayang Kulit Wong di Bali dipersembahkan oleh penari yang memakai pakaian tarian tradisional Bali dan disertai dengan muzik gamelan. Iringan muzik adalah penentu kualiti seni persembahan.

“Persembahan Sriwideri Wayang Kulit Wong sebagai Penjaga Budaya Jawa” yang ditulis oleh Deony Dewanggi, Didit Widiatmoko Suwardikun dan Mohamad Tohir (2019) menyatakan pertumbuhan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat pada masa kini memberi kesan yang besar terhadap mental dan tingkah laku remaja. Keprihatinan dan rasa kekitaan budaya Jawa semakin berkurang terutama di Surakarta. Remaja di Surakarta lebih terpengaruh cara dari barat seperti cara berpakaian dan percakapan. Sementara Surakarta memiliki pertunjukan wayang Sriwedari dengan pesan tentang budaya Jawa dan pentingnya kesopanan. Isu ini adalah mencari cara untuk membuat masyarakat kota Surakarta menghargai budaya Jawa melalui pertunjukan wayang Sriwedari. Kelebihan penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji ini adalah dapat menghasilkan rancangan terperinci untuk meningkatkan kesedaran akan budaya daerah di Indonesia dalam rangka membuat masyarakat Indonesia yang bersatu dengan pelbagai budaya pribumi. Menurut kajian lepas ini, pengkaji ingin memberi kesedaran terhadap remaja-remaja tentang kesenian tradisi orang Jawa iaitu Wayang Kulit Wong memandangkan seni persembahan Wayang Kulit Wong ini merupakan tradisi yang penting bagi penduduk di situ. Kempen menggunakan tarian Jawa dan persembahan sebagai seni tontonan dapat digunakan

untuk membuat remaja mencintai budaya dan tradisi Jawa kerana media ini membolehkan remaja tampil dan menonjolkan diri di depan pentas umum.

Makalah yang ditulis oleh Fatkur Rohman Nur Awalun yang bertajuk “Sejarah Perkembangan Dan Perubahan Fungsi Wayang Dalam Masyarakat” menyentuh mengenai fungsi wayang yang mengalami perubahan-perubahan sepanjang peredaran zaman. Seni persembahan wayang yang muncul dan berkembang di Jawa merupakan kesenian tradisonal yang mampu bertahan dan menyesuaikan dengan perkembangan zaman dengan segala aspek perubahan-perubahannya. Masalah dalam penelitian ini adalah mengkaji mengenai bagaimana sejarah perkembangan dan perubahan fungsi wayang dalam masyarakat. Perkembangan seni persembahan wayang dipengaruhi oleh keadaan sosial yang berpengaruh terhadap perubahan fungsi seni persembahan wayang. Tujuannya adalah menjelaskan sejarah perkembangan dan perubahan fungsi wayang dalam masyarakat. Hasil penelitian menunjukkan bahawa sejarah perkembangan wayang secara konseptual merupakan perpaduan dari beberapa unsur kebudayaan yang masuk di Jawa Indonesia, kebudayaan India dengan Agama Hindu-Buddha dan Islam dengan tasawufnya. Perubahan fungsi ritual dapat dilihat dari melenyapkan nilai-nilai moral dalam wayang sehingga wayang hanya mempunyai fungsi hiburan atau tontonan dan sebagai pertunjukan yang popular.

## **2.5 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian lepas yang dilakukan mengenai seni persembahan Wayang Kulit Wong ini tidak begitu banyak di negara ini. Walaubagaimanapun terdapat beberapa kajian lepas yang dijumpai menerusi artikel daripada Indonesia. Hal ini kerana kesenian wayang merupakan sebahagian daripada kebudayaan di Indonesia. Wayang Kulit Wong sememangnya berasal daripada negara Indonesia dan dipersembahkan dalam majlis-majlis keramaian dan upacara istana pada zaman dahulu.

Dalam meniti arus pemodenan, Wayang Kulit Wong telah mengalami beberapa perubahan. Hal ini disebabkan oleh keadaan sosial yang mengubah segalanya mengenai persembahan ini. Kemudian, apabila kesenian Wayang Kulit Wong mula dibawa masuk ke Tanah Melayu khususnya negeri Johor ia berfungsi sebagai hiburan kepada masyarakat. Wayang Kulit Wong yang bertapak di negeri Johor tidak mempunyai konsep ritual seperti yang dilakukan di Jawa Indonesia.

Hasil daripada penyelidikan, dapat disimpulkan Wayang Kulit Wong merupakan seni persembahan yang hampir pupus ditelan zaman. Hal ini kerana setelah pelbagai sejarah dan peristiwa yang telah berlaku pada zaman dahulu. Perkara ini membuatkan wayang ini kurang dikenali oleh generasi kini. Oleh itu, pihak berwajib perlu mencari inisiatif untuk menjadikan Wayang Kulit Wong dikenali dan digemari masyarakat.



## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan mengenai kajian yang dijalankan termasuk kaedah kajian, data-data yang diperolehi dan analisis bagi mendapatkan maklumat yang jelas dan tepat. Disamping itu, antara perkara yang akan dihuraikan lagi dalam bab ini adalah seperti sampel kajian dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perancangan penyelidikan ini. Bab ini juga akan menjelaskan mengenai kaedah kajian yang digunakan iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif dimana turut melibatkan penggunaan data primer dan sekunder.

#### **3.1 KAEDAH KAJIAN**

Metodologi merupakan analisis teori atau pendekatan yang digunakan bagi mencapai objektif dalam kajian yang dilaksanakan. Kebiasaannya, metodologi merangkumi segala konsep seperti paradigma, model teori teknik kuantitatif atau teknik kualitatif. Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian yang dijalankan. Di samping itu, bab ini juga akan membincangkan secara terperinci mengenai beberapa perkara penting dalam metodologi dan strategi yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji telah merancang dengan teratur serta menetapkan untuk menggunakan beberapa kaedah bagi mendapatkan maklumat yang jelas serta mengumpul data iaitu:



### **3.1.1 KAEDAH KUALITATIF**

Pendekatan kualitatif adalah suatu kajian yang mementingkan kualiti. Kualitatif merupakan suatu penyelidikan di mana pengkaji bergantung kepada pandangan responden, menanyakan soalan yang umum, mengumpul data daripada teks responden dan kemudiannya menganalisa hasil jawapan dalam responden. Selain itu, pendekatan ini dikenali sebagai penyelidikan empirikal kerana ia boleh diukur secara jelas dan tepat. Pendekatan kualitatif ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kajian etnografik, kajian teori dan kajian naratif. Melalui pendekatan kualitatif ini pengkaji akan menggunakan kaedah kajian lapangan dan temubual. Kaedah kajian lapangan yang dijalankan membolehkan pengkaji memahami fenomena yang dikaji secara terperinci. Kemudian, kaedah temubual yang pengkaji laksanakan ini akan melibatkan perbualan antara pengkaji dengan responden. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan mengenai kajian yang dijalankan. Sebelum pengkaji melakukan temubual, pengkaji akan menghubungi pihak responden terlebih dahulu dan menyediakan soalan-soalan.

### **3.1.2 KAEDAH KUANTITATIF**


Penyelidikan kuantitatif merupakan suatu kaedah yang bergantung kepada satu kaedah sains yang semulajadi dan turut menghasilkan data berangka dan fakta yang tepat. Hal ini bertujuan bagi mewujudkan hubungan sebab dan kesan antara dua pembolehubah dengan menggunakan beberapa kaedah. Contohnya, kaedah matematik, statistik dan pengiraan. Melalui pendekatan kuantitatif, pengkaji akan menggunakan kaedah persampelan. Pengkaji akan memfokuskan masyarakat yang tinggal di kawasan Parit Raja sebagai responden yang berlingkungan umur dalam 15- 50 tahun. Dalam pada itu, target responden adalah seramai 100 orang. Soalan yang disediakan khusus bagi menjawab objektif yang kedua. Kemudian data yang diperolehi akan dianalisis untuk mengira berapa peratusan masyarakat yang sedar akan objektif tersebut.

### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut (Kerlinger 1970) menyatakan bahawa rekabentuk kajian merupakan satu kaedah pengolahan data yang dikumpul berdasarkan perancangan khas dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu penyelidikan. Menurut Creswell (2005), pula menyatakan bahawa rekabentuk tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dimana pengkaji menjalankan satu kajian terhadap sampel atau keseluruhan populasi. Secara keseluruhannya, hasil kajian ditentukan oleh kaedah yang dijalankan dan rekabentuk kajian manakala rekabentuk kajian ditentukan oleh tujuan kajian.

Antara komponen yang terdapat dalam rekabentuk kajian yang dijalankan ini adalah pembangunan kerangka yang mana akan diterangkan dengan lebih jelas dalam bab ini. Dalam pada itu, rekabentuk kajian juga merujuk kepada cara pengkaji mengendalikan kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Menurut (McMillan dan Schumaccer 1984), rekabentuk kajian dilakukan bertujuan untuk mengawal punca-punca biasa yang boleh mengganggu dapatan kajian. Melalui kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan terhadap penggunaan kaedah kualitatif dimana melibatkan kaedah temubual dan kajian perpustakaan.

Kajian lepas turut digunakan bagi mengetahui apakah kekurangan yang terdapat dalam kajian terdahulu disamping menjadi panduan dan rujukan bagi pengkaji. Pendekatan kualitatif dapat memberikan maklumat yang tepat serta memenuhi segala persoalan kajian yang telah ditetapkan.



Carta Alir 1: Rekabentuk Kajian

Carta alir 1 diatas menunjukkan gambaran perancangan rekabentuk kajian yang telah dilakukan pengkaji. Pengkaji telah mengenalpasti permasalahan kajian kemudian telah menetapkan objektif kajian yang dijalankan ini. Seterusnya, pengkaji turut merujuk kepada kajian lepas sebagai panduan sepanjang menjalankan penyelidikan.

Selain itu, maklumat- maklumat kajian ini diperolehi daripada sumber sekunder dimana termasuk jurnal, buku-buku ilmiah, majalah, artikel dan sebagainya. Pengkaji turut menggunakan laman sesawang rasmi seperti laman sesawang yang dibuat oleh kerajaan bagi menambah sumber rujukan khususnya mengenai seni persembahan Wayang Kulit Wong bagi menjalankan kajian ini. Tambahan pula, maklumat-maklumat daripada badan bertanggungjawab seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor turut diambil bagi memastikan maklumat yang diperolehi tersebut sahih dan tepat.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temubual dalam menjalankan kajian terhadap Wayang Kulit Wong. Kaedah temubual ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara langsung dan lebih tepat. Kaedah ini melibatkan perbualan antara pengkaji dengan responden kajian bagi mendapatkan maklumat yang relevan. Melalui kaedah temubual secara tidak langsung data-data yang diperolehi dari pemerhatian dapat diperkukuhkan lagi.

Sebelum melakukan kaedah temubual, pengkaji akan menyediakan soalan-soalan berkaitan dengan objektif yang ingin dicapai pengkaji. Penggunaan contoh soalan daripada jurnal mahupun artikel turut diambil oleh pengkaji bagi mengelakkan soalan yang bertentangan dengan objektif pengkaji. Pengkaji akan menggunakan kaedah temubual semi-struktur dimana temubual dijalankan separa formal sahaja. Soalan-soalan disusun semasa sesi temubual dan boleh diubah suai. Selain itu, aras bahasa yang digunakan amat bersesuaian dengan responden serta soalan-soalan temubual boleh dikurangkan atau ditambah.

Di samping itu, terdapat instrumen yang digunakan oleh pengkaji sepanjang sesi temubual dilakukan ialah seperti telefon pintar dan buku catatan bagi memudahkan urusan temubual. Instrumen telefon pintar penting bagi merakam perbualan dan maklumat yang diberikan oleh responden serta memastikan maklumat diperolehi dengan baik. Penggunaan telefon pintar juga bertujuan untuk mengambil gambar mengenai maklumat seni persembahan Wayang Kulit Wong. Dalam pada itu, buku nota

turut digunakan oleh pengkaji bagi mencatat segala maklumat penting yang diberi oleh responden disamping boleh dijadikan bahan rujukan untuk pengkaji lain.

Setelah selesai kajian perpustakaan, tinjauan ke lokasi kajian lapangan, sesi temubual dilakukan kajian ini teruskan dengan proses menganalisis data yang diperoleh. Proses menganalisis data amat penting bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan berkaitan dengan objektif kajian ini. Proses menganalisis data ini juga merupakan suatu kaedah bagi meringkaskan atau merumuskan segala data yang dikumpul supaya hasilnya lebih jelas dan tepat.

### **3.3 TEKNIK PENGUMPULAN DATA**

Kamus Dewan Bahasa (1998:275) telah mentakrifkan “data merupakan butir atau maklumat yang diketahui atau yang telah dikumpulkan tentang sesuatu dan dapat dijadikan asas untuk membuat kajian”. Oleh itu cara mengumpul data adalah sangat penting untuk mendapat satu hasil kerja yang baik. Teknik pengumpulan data merupakan salah satu bahagian yang penting dalam proses penyelidikan. Pengumpulan data juga adalah tahap dimana para penyelidik menggunakan kaedah dan teknik saintifik bagi mengumpul data sistematik bertujuan analisis data tersebut.

#### **3.3.1 DATA PRIMER**

Data primer merupakan satu data utama yang penting dalam sesebuah penyelidikan. Pengkaji juga telah menetapkan untuk mengumpul data primer bagi melaksanakan penyelidikan ini. Selain itu, data primer dapat dihasilkan secara langsung tanpa perlu menggunakan perantaraan yang lain. Melalui kaedah kualitatif, pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian ini dengan beberapa cara. Antaranya:

## **i. KAEDAH TEMUBUAL**

Temubual adalah satu kaedah dimana membincangkan antara pengkaji dengan responden untuk mendapatkan informasi daripada responden yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang lebih mendalam. Melalui kaedah temubual, pengkaji akan lebih memahami dengan mendalam mengenai tajuk kajian yang telah dibuat. Menurut Taylor dan Bogdan (1984) menyatakan bahawa temubual mendalam adalah muka berulang antara pengkaji dengan subjek kajian, rangka memahami pandangan subjek pengkajian mengenai kehidupannya, pengalamannya ataupun situasi sosial sebagaimana yang diuraikan dalam bahasa mereka sendiri. Pengkaji menetapkan untuk melaksanakan kaedah temubual semi-struktur. Kaedah temubual ini adalah bersifat separa formal dan ia melibatkan komunikasi dua hala. Hal ini akan memudahkan lagi antara pengkaji dengan responden untuk berbincang mengenai topik kajian yang dijalankan ini. Pengkaji akan menemui responden iaitu masyarakat yang tinggal di Parit Raja bagi mendapatkan maklumat yang lebih relevan. Disamping itu, pengkaji turut memfokuskan persepsi masyarakat terhadap seni persembahan Wayang Kulit Wong.

## **ii. KAEDAH KAJIAN LAPANGAN**

Kajian lapangan merupakan kaedah dimana pengkaji perlu pergi ke lokasi kajian bagi memerhati dan menjalankan penyelidikan di lokasi tersebut. Pemilihan lokasi kajian juga memainkan peranan penting bagi memastikan penyelidikan berjalan dengan lancar. Jadi, pengkaji telah menetapkan lokasi Parit Raja bagi melaksanakan kajian lapangan. Hal ini adalah penting agar maklumat diperoleh dengan tepat dan boleh dianalisis dengan teratur. Melalui kaedah ini, pengkaji akan berjumpa dengan masyarakat yang tinggal di Parit Raja bagi mendapatkan serba sedikit maklumat mengenai seni persembahan Wayang Kulit Wong yang pernah dilaksanakan pada tahun 2018 di lokasi tersebut.

### **3.3.2 DATA SEKUNDER**

Pengkaji turut menetapkan untuk mengumpul maklumat dan data berkaitan dengan seni persembahan Wayang Kulit Wong melalui kaedah sekunder. Melalui kaedah sekunder ini pengkaji akan mengumpul maklumat berdasarkan bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, artikel dan internet yang boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan sepanjang kajian ini dijalankan.

#### **Kajian Perpustakaan**

Pengkaji turut menggunakan kaedah kajian perpustakaan bagi mendapatkan informasi tambahan serta mengetahui istilah-istilah yang lebih banyak dan tepat. Pengkaji akan melakukan kajian perpustakaan di perpustakaan yang berhampiran dengan lokasi tempat tinggal pengkaji. Dalam pada itu, pengkaji juga merujuk kepada laman sesawang rasmi dan kajian lepas pelajar sebagai panduan menjalankan kajian ini.

#### **Sumber Internet**

Pengkaji juga mengumpul data menggunakan kaedah sumber internet. Hal ini supaya dapat menambahkan dan memperkukuh maklumat yang sedia ada. Kesemua data yang dikumpul ini sangat penting dan akan dianalisis agar mendapat hasil kajian yang baik.

### **3.4 PERSAMPELAN**

Persampelan dapat didefinisikan sebagai proses pemilihan elemen-elemen dalam populasi kajian bertujuan untuk mewakili populasi sesebuah kajian. Menurut Mohd



Majid Konting (1998) menyatakan bahawa sampel yang telah dipilih sekurang-kurangnya mempunyai sifat yang sama dengan populasi dalam penyelidikan. Tujuan persampelan dilakukan adalah untuk mengurangkan kos membuat penyelidikan, menjimatkan masa dan tenaga pengkaji dan mendapatkan ketepatan dan jangkaan yang akan berlaku dalam proses penyelidikan. Persampelan terbahagi kepada dua jenis iaitu persampelan kebarangkalian (rawak) dan persampelan bukan kebarangkalian. Matlamat persampelan dalam penyelidikan adalah untuk memperoleh sampel yang mencerminkan populasi dari segi pemboleh ubah yang menjadi tumpuan pengkaji. Hal ini bermakna pengkaji perlu mengambil sebahagian kecil populasi bagi tujuan pemerhatian, dan membuat generalisasi berkenaan populasi yang diwakili oleh sampel tersebut. Justeru, pemilihan sampel yang baik ialah sampel yang boleh mewakili pembolehubah berkaitan dari populasi yang disasarkan.

Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan prosedur persampelan bukan kebarangkalian yang mana persampelan ini jenis tidak rawak, tidak sengaja mudah dan sukarela. Sampel ialah kumpulan (institusi, masyarakat, tempat, fenomena) yang menjadi sumber informasi yang diperlukan pengkaji. Pengkaji memilih kaedah persampelan bukan kebarangkalian ini adalah kerana kebarangkalian untuk memilih elemen dalam populasi tidak dikenalpasti. Pengkaji menggunakan keperluannya dalam memilih responden untuk melaksanakan kajian ini.

Dalam konteks ini, pengkaji akan menggunakan teknik “snowball” dalam pemilihan sampel berdasarkan cadangan yang diberikan oleh seseorang kepada orang yang lain bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji lebih memfokuskan masyarakat yang tinggal di Parit Raja sebagai responden yang mempunyai lingkungan umur kira-kira dalam 15-50 tahun. Tambahan pula, target responden pengkaji adalah seramai 30 orang sahaja. Temubual menggunakan sampel ini akan berakhir apabila pengkaji memperoleh data yang tepat boleh menjawab kepada persoalan kajian. Soalan yang pengkaji sediakan khusus bagi menjawab segala objektif kajian ini dan seterusnya data yang diperoleh akan dianalisis.



### 3.5 ANALISIS DATA

Kaedah analisis data adalah suatu tahap dalam proses penyelidikan dimana segala data yang telah dikumpul akan diproses untuk menjawab rumusan masalah. Terdapat dua jenis kaedah bagi menganalisis data iaitu analisis kandungan dan analisis tematik. Pengkaji telah memilih kaedah analisis tematik bagi menganalisis segala data kajian yang diperoleh. Pengkaji akan menganalisis segala data melalui beberapa langkah. Pengkaji akan membuat transkripsi data terlebih dahulu dimana pengkaji akan menukar segala data yang diperoleh dalam bentuk teks atau penulisan. Setelah itu, pembacaan semula terhadap data-data kemudian tema bagi hasil temubual tersebut ditetapkan. Selepas itu, pengkaji akan melakukan triangulasi data supaya dapatan kajian akan lebih subjektif dan meyakinkan. Kemudian, pengkaji akan melakukan pemilihan sub-kumpulan dan membuat pengkodan bagi setiap kumpulan. Setelah proses tersebut, pengkaji akan menyemak semula untuk membuat pengesahan data yang dikumpul daripada semua responden ke dalam dapatan kajian.

### 3.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengumpulkan data dan maklumat. Antaranya ialah kaedah kualitatif yang mana memerlukan pengkaji untuk menemubual responden masyarakat yang menetap di kawasan Parit Raja, Johor. Di samping itu, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif iaitu persampelan secara tidak rawak bagi mengumpul data mengenai persepsi masyarakat Parit Raja terhadap Wayang Kulit Wong. Pengkaji turut menggunakan kaedah sekunder iaitu kajian kepustakaan dan internet bagi memperoleh maklumat yang tepat.

Terdapat ramai masyarakat yang tidak menyedari akan kewujudan seni persembahan Wayang Kulit Wong terutama golongan muda. Hal ini tidak boleh dibiarkan dan perlu dibendung supaya seni persembahan kategori ini tidak pupus dek

arus kemodenan. Wayang Kulit Wong adalah seni drama tari tradisional masyarakat Jawa dan telah bertapak di Johor. Masyarakat perlulah menyedari akan kepentingan seni persembahan agar seni ini terus dipertahankan.

Melalui kajian ini, pengkaji juga dapat mengetahui apakah langkah atau usaha-usaha yang boleh dilakukan agar dapat memartabatkan kembali seni persembahan Wayang Kulit Wong di mata masyarakat.

ETKW

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 PENGENALAN**

Bab ini akan merungkaikan serta menerangkan mengenai segala maklumat yang diperoleh dan dianalisis yang telah dijalankan oleh pengkaji berdasarkan objektif dan tajuk penyelidikan yang dipilih. Dapatan kajian yang telah diperoleh daripada sesi temubual dan soal selidik perlu dianalisis untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Bab ini amat penting dalam sesebuah projek penyelidikan bagi menjawab setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan pada bab sebelum ini. Di samping itu, dapatan kajian merangkumi tiga objektif yang telah dinyatakan pengkaji dalam bab 1 iaitu mengenalpasti sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor, mengkaji persepsi masyarakat di Parit Raja dan menganalisis kaedah yang bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui bahawa seni persembahan Wayang Kulit Wong Johor ini masih relevan dan didedahkan kepada golongan muda.

Seperti yang diketahui umum, Malaysia sememangnya negara yang kaya dengan adat dan budaya kerana terdiri daripada pelbagai masyarakat yang berbilang kaum. Dalam pada itu, selain kaya dengan kepelbagaian budaya, Malaysia turut kaya dengan kesenian. Setiap negeri dalam Malaysia mempunyai pelbagai jenis seni persembahan sejak turun temurun. Sebagai contoh, Negeri Johor yang kaya dengan pelbagai seni persembahan seperti Kuda Kepang, Tarian Zapin, Tarian Masri Kerincing, Wayang

Kulit Wong dan lain-lain. Kebanyakan seni persembahan ini dipengaruhi daripada budaya luar seperti Jawa.

Secara umumnya, Wayang Kulit Wong dikategorikan sebagai seni seperti yang diajukan oleh De Merrais (2013) yang mana seni melibatkan pengecualian, penentangan atau mempunyai makna yang berlapis. Dalam pada itu, seni bukan hanya mengukuhkan ideologi atau penegasan dominan dalam model sosial, seni ini mungkin mengandungi mesej yang tersembunyi dan berlapis. Begitu juga dengan seni persembahan Wayang Kulit Wong yang mempunyai mesej dan nilai yang tersembunyi. Di samping itu, aksesori seperti topeng, kostum dan sebagainya merupakan faktor yang menarik perhatian penonton ketika persembahan tersebut sedang dimainkan.

Wayang Kulit Wong turut mempunyai unsur persamaan yang ketara dengan wayang kulit. Hal ini dapat dilihat bagaimana Wayang Kulit Wong telah meminjam beberapa elemen penting daripada wayang kulit. Antaranya, seperti jalan cerita dan kebanyakan kisahnya berkaitan Ramayana dan Mahabharata. Selain itu, Wayang Kulit Wong mempunyai perbezaan dari segi persembahan dengan wayang kulit yang mana Wayang Kulit Wong mengadaptasikan wayang kulit kepada lakonan menggunakan manusia dan hanya memakai topeng yang mempunyai persamaan dengan wayang kulit. Boneka-boneka wayang kulit digantikan dengan penari-penari manusia telah menghasilkan perubahan ketara pada pemakaian pelakon dan gerak tari dalam Wayang Kulit Wong. Oleh itu, Wayang Kulit Wong mempunyai keunikan yang tersendiri yang mana penonton akan tertarik melihat gerakan para penari dan menikmati jalan ceritanya.


Dalam bab ini, penerangan mengenai data dan maklumat yang diperolehi melalui kaedah temubual dan soal selidik serta analisis dokumen akan dijalankan. Data yang diperolehi pengkaji ini melibatkan responden yang terlibat dengan seni persembahan Wayang Kulit Wong iaitu dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Johor dan masyarakat setempat di Parit Raja. Kaedah yang telah

digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat mengikut objektif yang telah ditetapkan.

#### **4.1 MENGENALPASTI SEJARAH DAN PERKEMBANGAN WAYANG KULIT WONG DI PARIT RAJA, JOHOR**

Pengkaji telah menjalankan kajian mengenai Pengekalan Wayang Kulit Wong Di Parit Raja, Johor menerusi kaedah temubual dengan beberapa orang responden yang pernah terlibat dengan persembahan Wayang Kulit Wong dan masyarakat setempat di Parit Raja. Melalui kaedah ini, pengkaji telah memperolehi data dan maklumat yang diinginkan serta menjawab objektif kajian yang pertama dalam kajian ini. Hasil daripada temubual ini, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih terperinci mengenai sejarah dan perkembangan serta persepsi masyarakat Parit Raja terhadap seni persembahan Wayang Kulit Wong. Kaedah temubual merupakan salah satu daripada pendekatan kualitatif bagi memperoleh maklumat dan data yang tepat dalam kajian. Data kualitatif adalah berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984).

Temubual dalam penyelidikan kualitatif terbahagi kepada dua bahagian iaitu temubual secara mendalam dan temubual kumpulan fokus. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual kumpulan fokus bagi mendapatkan maklumat yang terperinci. Melalui kaedah ini, pengkaji memilih sekumpulan orang yang mempunyai ciri tertentu untuk mengadakan perbincangan. Di samping itu, pengkaji telah melaksanakan kaedah temubual semi-struktur bersama responden. Kaedah temubual ini adalah bersifat separa formal dan ianya melibatkan komunikasi dua hala. Hal ini dapat memudahkan lagi antara pengkaji dengan responden untuk berbincang mengenai topik kajian yang dijalankan ini. Pada tahap ini, pengkaji telah menemubual dua orang responden iaitu Puan Nor Hafizah Binti Hasan daripada Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN) Johor dan Encik Anuar bin Jamingan iaitu salah seorang masyarakat yang menetap di Parit Raja, Johor.



Gambar 1: Sesi Temubual Secara Atas Talian Bersama Puan Nor Hafizah Hasan Iaitu Pegawai Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Johor

Menurut Puan Hafizah, Wayang Kulit Wong Johor merupakan adunan dari dua bentuk permainan tradisi Wayang Kulit Purwo dan Wayang Kulit Wong. Perkara inilah yang membezakan persembahannya dengan Wayang Kulit Wong di Indonesia. Selain itu, cerita yang dimainkan dalam Wayang Kulit Wong Johor tidak terikat dengan epik mahabrata, ramayana atau cerita panji, tetapi ianya boleh direka baru. Namun, watak-watak yang terdapat dalam wayang kulit tersebut mesti dikekalkan. Wayang Kulit Wong ini mula diperkenalkan oleh seorang tokoh dalang Wayang Kulit Purwo Johor iaitu Pak Kadirman atau nama sebenarnya Abdul Kadir yang berasal dari Ponorogo, Jawa Timur. Antara watak-watak yang amat dikenali oleh peminat wayang kulit adalah seperti 'pertok', 'semar', 'gareng', 'bagong' mengikut jalan cerita yang telah dirancang. Sewaktu wayang dipersembahkan, terdapat sejenis alatan yang dikenali sebagai 'kepiak' akan digunapakai oleh Dalang. Dari segi sejarah, seni pertunjukan Wayang Kulit Wong ini berasal dari Pulau Jawa di Indonesia. Kebiasaannya, teater tradisional di Asia Tenggara memiliki tiga pengaruh keagamaan iaitu fahaman animisme, diikuti dengan Hindu seterusnya agama Islam. Ketiga-tiga pengaruh keagamaan tersebut telah menyerap masuk ke dalam persembahan Wayang Kulit Wong. Permulaan Wayang Kulit Wong pada zaman dahulu adalah dengan melakukan amalan penyembahan kepada nenek moyang.



Unsur-unsur kepercayaan animisme dalam Wayang Kulit Wong telah mengalami perubahan ketika pengaruh Hindu mula bertapak di Asia Tenggara pada abad ke-4 Masihi. Perubahan tersebut adalah berasaskan kepada pengaruh Hindu bagi menggantikan amalan kepercayaan nenek moyang. Pengaruh Hindu juga menyumbang kepada elemen penting dalam Wayang Kulit Wong iaitu cerita daripada epik Mahabrata dan Ramayana. Rentetan itu, elemen baru yang dibawa oleh Hindu telah diresapkan ke dalam kepercayaan orang Jawa dan menyebabkan pengaruh tersebut tidak dianggap asing sebaliknya dikatakan milik orang Jawa. Dari segi pengaruh Islam pula, Wayang Kulit Wong dipengaruhi oleh peranan Wali Songo. Wali Songo merupakan para sufi yang sangat berpengaruh dan berperanan dalam perkembangan Islam di Kepulauan Nusantara. Antara contoh pengaruh Islam dalam Wayang Kulit Wong adalah penggunaan 'Bismillah' yang bermaksud dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang oleh dalang pada awal upacara.

'Wayang' berasal daripada perkataan bayang atau ayang-ayang yang bererti bayangan. Dalam pada itu, Puan Hafizah turut menerangkan bahawa ayang-ayang mengisahkan mengenai kehidupan manusia dan kejadian manusia yang bermula dari Adam dan Hawa. Perkataan 'Wong' pula bererti orang. Pada asalnya, Wayang Kulit Wong adalah teater istana yang kemudian bertukar menjadi teater tari tradisional rakyat dan terdiri daripada unsur-unsur ritual, gerak tari yang distailisasikan, muzik instrumental, nyanyian, cerita dan lakonan berdasarkan plot sesebuah cerita.

Semasa kejatuhan kerajaan Jawa di Jawa Tengah, telah muncul sebuah kerajaan baru di Jawa Timur yang terdiri daripada Singasari, Karipan, Kediri dan Majapahit. Dramatari Wayang Kulit Wong ini terus berkembang dan berpengaruh hingga ke Bali. Seterusnya, istana Jogjakarta telah mengambil alternatif lain dengan membangkitkan semula pertunjukan Wayang Kulit Wong semasa pemerintahan Sultan Hamengkubuwana I. Semasa istana tersebut di bawah pemerintahan Sultan Hamengkubuwana IV, baginda berhadapan dengan masalah politik dan ekonomi disebabkan peristiwa Perang Jawa. Pada tahun 1939, Sultan Hamengkubuwana VIII telah meninggal dunia selepas meletusnya Perang Dunia Kedua dan ini bermakna era Wayang Kulit Wong dalam istana Jogjakarta telah berakhir. Namun demikian, segala



aktiviti berkaitan Wayang Kulit Wong di istana tersebut tidak berhenti sepenuhnya kerana Sultan Hamengkubuwana IX telah meneruskan tradisi dan mementaskan sebuah Wayang Kulit Wong ringkas semasa pemerintahannya iaitu sekitar pada tahun 1940.

Peristiwa Perang Dunia Kedua telah memberi impak yang besar terhadap ekonomi negara. Pada abad ke-20, tekanan sosial dan ekonomi yang dikenakan oleh pihak Belanda menambahkan lagi kegawatan ekonomi. Hal ini telah menyebabkan lahirnya Republik Indonesia pada tahun 1945 dan turut menandakan pengakhiran teater Wayang Kulit Wong di istana Jogjakarta. Namun begitu, genre Wayang Kulit Wong masih belum berakhir dan dalam erti kata lain masih tetap hidup tetapi bukan lagi dalam istana. Sebaliknya ia telah terkeluar dari istana dan dipelihara serta diteruskan oleh kumpulan persendirian. Kridha Beksa Wirama adalah kumpulan yang pertama mempersembahkan seni persembahan Wayang Kulit Wong di luar istana dan memperkenalkan penari wanita untuk membawa watak perempuan dalam cerita pendek seperti “Sri Tanjung”. Persembahan penuh Wayang Kulit Wong seperti yang berlaku pada zaman kegemilangannya tidak lagi dipersembahkan selepas peristiwa tersebut.

Setelah itu, ramai rakyat Indonesia telah berhijrah ke tempat lain terutamanya di Tanah Melayu sewaktu Indonesia menjadi sebuah republik. Keadaan Tanah Melayu ketika itu berhadapan dengan ekonomi yang sangat memberangsangkan kerana banyak ladang dan kawasan perlombongan baru yang telah dibuka oleh pemodal Eropah. Kedatangan rakyat Indonesia ke Tanah Melayu telah membawa pengaruh kebudayaan dan kesenian Jawa termasuklah persembahan Wayang Kulit Wong. Negeri Johor merupakan penempatan awal bagi masyarakat Jawa. Walaubagaimanapun, dikatakan bahawa Wayang Kulit Wong telah sampai ke Negeri Johor lebih awal daripada teater tradisional lain seperti Reyog, Kuda Kepang, Wayang Kulit dan sebagainya. Wayang Kulit Wong mula sampai di Johor semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar pada tahun 1818. Hal ini bermakna orang Jawa telah sampai ke Negeri Johor pada suku pertama abad ke-19.

Namun, kenyataan tersebut berbeza dengan Fauziah binti Mohd Rani yang menyatakan bahawa kedatangan orang Jawa ke Johor pada tahun 1891 iaitu akhir abad ke-19 seperti yang direkodkan sejak pemerintahan British di Negeri-Negeri Selat. Menurut data yang diperoleh, kedatangan orang Jawa telah bertambah daripada 14,239 orang pada tahun 1981 kepada 17,578 orang pada tahun 1901 (Kratoska, 1982). Kekeliruan ini terjadi kemungkinan pada awal kedatangan Wayang Kulit Wong pada tahun 1818 tidak begitu berkembang dan kelompok orang Jawa yang berhijrah pada ketika itu adalah terlalu kecil. Oleh itu, dapat dilihat bahawa perkembangan Wayang Kulit Wong bermula di Johor pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 iaitu semasa kedatangan orang Jawa telah mula direkodkan dan Wayang Kulit Wong mula berkembang aktif.

Dalam konteks lain, dijelaskan bahawa Wayang Kulit Wong telah dibawa oleh seorang dalang yang bernama Abdul Kadir atau lebih dikenali sebagai Pak Kadirman ke Kampung Sarang Buaya, Muar. Kumpulan Wayang Kulit Wong yang diketuai oleh Pak Kadirman dikenali sebagai kumpulan Kampung Sarang Buaya. Hal ini demikian kerana nama kumpulan bagi setiap permainan tradisi Jawa di Johor adalah mengikut nama kampung pemain-pemain tersebut. Sejak dari itulah Wayang Kulit Wong mula berkembang di daerah Muar berikutan ramai orang Jawa telah berhijrah sekitar tahun 1900an. Perkara ini membuatkan lebih ramai lagi dalang dan pelakon Wayang Kulit Wong yang muncul. Antaranya ialah Pak Temu daripada kumpulan Kampung Sarang Buaya, Pak Abdul Manan daripada kumpulan Kampung Parit Seman, Pak Sairon yang memegang watak Gareng manakala Pak Tahir dan Pak Dollah memegang watak sebagai Petruk dan Semar.

Kemudian, perkembangan Wayang Kulit Wong mula tersebar ke daerah-daerah lain yang dibawa oleh penghijrah-penghijrah baru dari Jawa mahupun penggiat yang telah lama menetap di Muar sendiri. Antara daerah tersebut adalah seperti Batu Pahat iaitu yang dirintis oleh Allahyarham Wak Margono bin Sitir. Beliau dilahirkan pada tahun 1920 di Jawa Timur dan berhijrah ke Tanah Melayu iaitu Kuala Lumpur pada tahun 1941. Seterusnya, sekitar tahun 1941-1945an beliau telah membentuk sebuah kumpulan Wayang Kulit Wong yang diketuai oleh rakan

seperjuangannya sendiri iaitu Wak Pondo. Wak Pondo turut menjadi guru kepada Wak Margono Sitir dalam mendalami seni persembahan Wayang Kulit Wong. Kumpulan yang ditubuhkan tersebut turut disertai oleh rakan-rakannya yang berasal dari Indonesia. Wak Margono sendiri pernah melakonkan watak sebagai Cakil iaitu raksasa dalam cerita yang pernah dimainkan. Walaubagaimanapun, segala aktiviti kesenian yang dijalankan mereka terhenti pada zaman darurat. Hal ini membuatkan Wak Margono serta rakan-rakan sekumpulannya berpisah dan membawa haluan masing-masing.

Menurut Puan Hafizah iaitu pegawai di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor menjelaskan bahawa Wak Margono telah berhijrah dari Kuala Lumpur ke daerah Batu Pahat, Johor sekitar akhir tahun 1945. Pada tahun 1990, Yayasan Warisan Seni Johor telah membangkitkan semula teater Wayang Kulit Wong dan menjemput Wak Margono sebagai tenaga pengajar Wayang Kulit Wong sekaligus menjadi dalang. Terdapat seorang lagi tokoh Wayang Kulit Wong di Batu Pahat iaitu Allahyarham Wak Loso Sawi atau lebih dikenali sebagai Wak Sawi. Beliau telah menghembuskan nafas terakhir pada tahun 1998. Melalui persembahan Wayang Kulit Wong, beliau bertindak sebagai pemain orkes gamelan.

Wayang Kulit Wong telah berkembang pesat sekitar tahun 1960-an sebagai hiburan kepada masyarakat Jawa Johor di samping dapat mengembalikan nostalgia mereka terhadap kampung halaman di Jawa. Namun begitu, seiring dengan peredaran zaman seni tradisi, Wayang Kulit Wong kian dilupakan kerana pembentukan hiburan baru seperti wayang gambar di dalam televisyen. Dalam apa-apa jua persembahan tradisi, perubahan akan berlaku dalam segenap aspek kehidupan manusia (Boon Jong Fook, 2018). Tambahan pula, generasi muda tidak menunjukkan minat untuk mendalami seni Wayang Kulit Wong. Dalam menyedari kepentingan persembahan Wayang Kulit Wong, persembahan tersebut telah dibangkitkan semula pada tahun 1989 tetapi dalam versi baru yang diolah semula dan dipersembahkan di bandar terutamanya di Johor Bahru.

Di samping itu, antara rekod yang dikenalpasti adalah pada tahun 1993 iaitu persembahan Wayang Kulit Wong ini berjaya dilangsungkan oleh Yayasan Warisan Johor dengan kerjasama Pejabat Kebudayaan Negeri Johor dengan mementaskan cerita “Rama dan Sita”. Seterusnya, sekitar tahun 1999, Wayang Kulit Wong telah dipentaskan kembali bersama cerita “Rama dan Sita” atas arahan Allahyarham Encik Sukor Bin Md Noor tetapi telah diolah dalam bentuk kontemporari atau lebih moden dan lebih dikenali sebagai “Wayang Kulit Wong Johor”.



Gambar 2: Poster Aturcara Persembahan Wayang Kulit Wong Johor “Alunan Purwo”

Sumber: Ihsan dari Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Johor

Menurut Puan Hafizah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor telah melaksanakan program perantisan. Pada tahun 2017, Wayang Kulit Wong Johor telah dipilih sebagai perantisan seni budaya. Ia telah mendapat kerjasama daripada Yayasan Warisan Johor, Persatuan Teater Kesuma-I Johor Bahru serta Yayasan Hasanah. Wayang Kulit Wong Johor dianggotai seramai 21 orang peserta iaitu kumpulan pemuzik seramai 7 orang dan kumpulan pelakon dan penari 14 orang. Latihan dijalankan antara April hingga September yang mana memerlukan selama 70 jam latihan. Seterusnya penilaian perantisan dilakukan dengan diadakan sebuah pementasan. Pada tahun tersebut, pementasan diadakan pada 11 November 2017. Tajuk persembahan Wayang Kulit Wong Johor adalah “Alunan



Purwo”. Persembahan ini ditunjangi oleh Encik Md Sukor bin Md Noor selaku pengarah, penulis skrip dan jurulatih lakon. Beliau dibantu oleh Puan Siti Hajar Binti Mamut, sebagai jurulatih tari dan juga Encik Miskon bin Karim, jurulatih muzik gamelan. Encik Miskon merupakan salah seorang penggiat kesenian Wayang Kulit Purwo yang terkenal di Batu Pahat dan telah melahirkan ramai anak didik dalam muzik gamelan.

Pada tahun 2018 iaitu tahun kedua, penyambungan kesenian Wayang Kulit Wong digiatkan lagi. Pada kali ini, JKKN Johor mendapat kerjasama dari Sekolah Seni Johor yang mana seramai lapan orang pelajar Sekolah Seni Johor telah melibatkan diri dalam program perantisan. Mereka menjalani latihan di Anjung Seni, Pejabat Daerah Johor Bahru. Seperti tahun sebelumnya, tempoh latihan adalah sebanyak 70 jam juga. Namun, perantisan di Sekolah Seni Johor tidak dapat diteruskan kerana faktor silibus dan peperiksaan yang padat. Maka, JKKN Johor hanya memfokuskan kepada perantis muzik Wayang Kulit Wong iaitu dari Kumpulan Muzik Wayang Kulit Wong Setia Budi, Kampung Parit Nipah Darat, Batu Pahat yang dianggotai seramai tujuh orang pemuzik.

Memasuki tahun ketiga, perantisan Wayang Kulit Wong diteruskan dengan mencari kumpulan pelapis baru dalam kalangan pelajar universiti. Model pelaksanaan adalah model Sekolah iaitu jurulatih akan datang mengajar di tempat perantis. JKKN Johor telah mendapat kerjasama yang baik daripada pengarah, pensyarah serta pelajar dari Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Temenggung Ibrahim, Johor Bahru, Johor. Sesi ujibakat telah dilaksanakan dan akhirnya seramai lapan belas orang pelajar IPG telah dipilih. Seramai tiga orang perantis senior dari kumpulan pertama turut melibatkan diri dalam kumpulan perantis tersebut bagi memberi semangat dan tunjuk ajar dalam persembahan. Latihan dijalankan mulai pada April hingga Ogos 2019 selama 42 jam bertempat di Dewan Temenggung Ibrahim pada setiap hari Sabtu. Pada kali ini, pengarah yang sama telah memilih tajuk “Jalinan Bertitih” untuk persembahan penilaian di akhir program.

Wayang Kulit Wong Johor merupakan seni persembahan yang menggabungkan elemen yang berselang-seli antara Wayang Kulit Wong dan Wayang Kulit Purwo. Kemudian, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor telah melangsungkan persembahan Wayang Kulit Wong Johor di Kampung Nipah Darat, Parit Raja pada tahun 2018. Hal ini bertujuan untuk mendedahkan serba sedikit mengenai seni persembahan Wayang Kulit Wong yang semakin dilupakan oleh masyarakat termasuklah di kawasan Parit Raja.



Gambar 3: Persembahan Wayang Kulit Wong Johor yang diadakan pada tahun 2017

Sumber: Ihsan dari Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Johor

#### **4.2 MENGENAI PERSEPSI MASYARAKAT DI PARIT RAJA JOHOR MENGENAI WAYANG KULIT WONG**

Persepsi dapat didefinisikan sebagai tindakan menerima, menafsir dan memahami melalui jiwa isyarat deria pancaindera. Dalam konteks ini, pengkaji ingin mengkaji mengenai persepsi atau pemahaman masyarakat setempat yang tinggal di Parit Raja mengenai Wayang Kulit Wong. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual dan soal selidik bagi menjawab objektif kajian yang kedua. Pengkaji memperoleh data dan

maklumat hasil temubual daripada responden yang tinggal di Parit Raja iaitu Encik Anuar bin Jamingan.

#### 4.2.1 Analisis Temubual Responden

Seni daripada sumber ensiklopedia menterjemahkan seni sebagai perasaan indah yang ada dalam jiwa manusia. Seni merangkumi seni suara, seni lukis, seni tari dan sebagainya. Kaitan antara seni budaya adalah seiring. Begitu juga dengan aspek budaya yang mana budaya akan wujud dengan adanya kelompok bangsa atau kaum. Kebudayaan teretus apabila budaya sesuatu bangsa itu mempunyai nilai peradaban yang tinggi dalam sesuatu tamadun. Kesenian juga merupakan sesuatu produk atau persembahan atau apa-apa yang memiliki seni dan ciri-ciri estetika.



Gambar 4: Temubual bersama Encik Anuar bin Jamingan

Menurut Encik Anuar bin Jamingan iaitu salah seorang masyarakat yang menetap di Parit Raja menyatakan bahawa mereka tidak terlalu didedahkan dengan seni persembahan Wayang Kulit Wong berbanding dengan seni-seni tradisi yang lain. Seperti yang diketahui umum, Johor merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kebudayaan dan kesenian. Jika dilihat, negeri Johor ini amat terkenal dengan seni persembahan seperti zapin, kuda kepang, ghazal dan sebagainya. Tarian zapin




merupakan seni warisan kebanggaan masyarakat Johor. Malahan, tarian zapin ini sering dipaparkan di dalam risalah pelancongan Negeri Johor. Hal ini membuktikan tarian zapin dan Negeri Johor tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa seni persembahan Wayang Kulit Wong ini tidak dikenali ramai jika dibandingkan dengan kuda kepong dan tarian zapin.

Persembahan seni tradisional merupakan satu bentuk hiburan tradisional yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Menurut Encik Anuar iaitu salah seorang masyarakat yang menetap di Parit Raja menjelaskan bahawa seni persembahan Wayang Kulit Wong seharusnya dimartabatkan supaya dikenali ramai seperti seni tradisi yang lain. Kebanyakan masyarakat setempat yang tinggal di Parit Raja mengetahui keberadaan seni persembahan Wayang Kulit Wong Johor. Namun begitu, seiring dengan peredaran masa dan kecanggihan teknologi yang menyebabkan Wayang Kulit Wong kurang diminati oleh orang ramai.

#### **4.2.2 Analisis Soal Selidik Responden Berkenaan Persepsi Terhadap Wayang Kulit Wong**


Soal selidik merupakan kaedah yang membolehkan data dan maklumat dikumpulkan untuk klasifikasi, penerangan dan analisis dalam penyelidikan. Soal selidik ini bertujuan untuk mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap seni persembahan Wayang Kulit Wong. Pengkaji telah menggunakan google forms sebagai alternatif soal selidik secara atas talian. Google Forms merupakan sebuah alternatif yang disediakan oleh syarikat Google.Inc untuk semua pengguna google dalam melaksanakan penyelidikan melalui kaedah soal selidik. Borang soal selidik ini diagihkan melalui aplikasi whatsapp yang mensasarkan masyarakat yang menetap di Parit Raja. Pengkaji telah memperoleh data dan maklumat yang diinginkan menerusi hasil soal selidik secara atas talian bersama responden masyarakat Parit Raja.

Di samping itu, pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan dalam melaksanakan penyelidikan. Kaedah persampelan merupakan satu subset populasi dan sampel berupaya mewakili keseluruhan populasi. Sampel atau responden-responden yang terpilih dalam soal selidik haruslah mengikut beberapa kriteria dan juga berkaitan dengan isu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pengkaji mengambil sampel daripada kalangan masyarakat yang tinggal di Parit Raja sebagai sampel daripada keseluruhan populasi iaitu Parit Raja, Johor.




Carta Pai 1: Demografi Jantina

Hasil daripada soal selidik secara atas talian menerusi google forms dapat dilihat sebanyak 30 orang responden daripada Parit Raja telah terlibat. 66.7% terdiri daripada jantina perempuan manakala 33.3% lagi adalah lelaki. Borang soal selidik ini diagihkan melalui aplikasi whatsapp yang mensasarkan masyarakat yang menetap di Parit Raja dan mereka dipilih secara rawak.




Carta Pai 2: Demografi Umur

Pengkaji telah membahagikan kepada empat pecahan lingkungan umur iaitu antara 15 hingga 20 tahun, 21 hingga 30 tahun, 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun. Hasil kajian mendapati majoriti responden yang berlingkungan umur 21 hingga 30 tahun yang terlibat dalam menjawab borang soal selidik ini adalah sebanyak 90%. Terdapat 3.3% responden yang berlingkungan umur 15 hingga 20 tahun yang menjawab soal selidik. Selain itu, 3.3% responden juga yang berumur antara 31 hingga 50 tahun yang terlibat dalam menjawab borang soal selidik secara atas talian ini.



Carta Pai 3: Demografi Bangsa

Parit Raja merupakan sebuah kampung yang berada dalam daerah Muar, Johor. Kampung Parit Raja mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu seperti Melayu, Cina dan India. Majoriti responden yang menjawab soal selidik secara atas talian ini sebanyak 90% berbangsa Melayu. Kemudian, 6.7% orang responden adalah berbangsa Cina. Sebanyak 3.3% orang responden lagi adalah berbangsa lain. Tiada rekod responden yang berbangsa India yang terlibat dalam soal selidik atas talian ini.



Carta Pai 4: Demografi Status Pekerjaan

Menerusi demografi pekerjaan pula dapat dilihat bahawa sebanyak 13.3% responden bekerja dalam sektor awam manakala 13.3% lagi bekerja sendiri. Sebanyak 10% responden dari Parit Raja yang terlibat bekerja dalam sektor swasta. Majoriti responden iaitu sebanyak 63.3% berstatus selain dari bekerja

MALAYSIA  
KELANTAN



**Graf 1: Pernyataan Mengenai Persepsi Masyarakat Terhadap Kewujudan Seni Persembahan Wayang Kulit Wong**


Menerusi hasil soal selidik, pengkaji mendapati bahawa 40% iaitu seramai 12 orang responden daripada masyarakat Parit Raja bersetuju dengan pernyataan mengetahui mengenai akan kewujudan seni persembahan Wayang Kulit Wong. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat yang tinggal di Parit Raja mengetahui kewujudan Wayang Kulit Wong tetapi kurang didedahkan. Walaupun begitu, terdapat 6.7% responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini membuktikan bahawa masih lagi terdapat masyarakat yang tidak mengetahui akan kewujudan seni persembahan Wayang Kulit Wong.






Graf 2: Pernyataan Mengenai Persepsi Masyarakat Sama Ada Pernah Menonton Persembahan Wayang Kulit Wong Atau Tidak

Menerusi pernyataan kedua pula dapat dilihat bahawa sebanyak 33.3% orang responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini menjelaskan bahawa mereka tidak pernah melihat sendiri persembahan Wayang Kulit Wong diadakan. Kemungkinan masyarakat setempat yang menetap di Parit Raja kurang minat terhadap seni persembahan ini.



Graf 3: Pernyataan Mengenai Persepsi Masyarakat Sama Ada Mengetahui Atau Tidak Terhadap Wayang Kulit Wong Mempunyai Pengaruh Dari Hindu-Buddha


Graf di atas menunjukkan sebanyak 30% responden yang bersetuju dengan pernyataan seni persembahan Wayang Kulit Wong dipengaruhi oleh Hindu Buddha. Hal ini menjelaskan bahawa masyarakat yang menetap di Parit Raja mengetahui sedikit sebanyak mengenai pengaruh seni persembahan Wayang Kulit Wong. Seperti yang diketahui umum, Wayang Kulit Wong merupakan seni yang dipengaruhi oleh Hindu Buddha dan jalan ceritanya diambil daripada epik Mahabrata dan Ramayana. Sebanyak 6.7% responden tidak bersetuju dengan pernyataan di atas. Di samping itu, 20% orang responden mengundi sangat tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut. Hal ini membuktikan bahawa terdapat masyarakat Parit Raja yang tidak mengetahui bahawa Wayang Kulit Wong dipengaruhi oleh Hindu Buddha.



Graf 4: Pernyataan Mengenai Persepsi Masyarakat Sama Ada Mengetahui Atau Tidak Wayang Kulit Wong Merupakan Seni Pertunjukan Tradisional Orang Jawa


Majoriti responden iaitu sebanyak 30% yang sangat bersetuju dengan pernyataan di atas. Sememangnya, masyarakat yang tinggal di Johor kebanyakannya berketurunan Jawa. Hal ini kerana masyarakat Jawa telah meneroka tanah negeri Johor pada zaman dahulu sehingga banyak perkampungan dinamakan sempena nama Jawa. Oleh itu, terdapat banyak pengaruh dari Jawa masuk ke dalam Negeri Johor. Sebanyak 3.3% responden tidak bersetuju dengan pernyataan di atas.






Graf 5: Pernyataan Sama Ada Golongan Muda Didedahkan Dengan Seni Persembahan Wayang Kulit Wong Atau Tidak

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa majoriti iaitu sebanyak 40% responden yang tidak pasti dengan pernyataan “Golongan muda telah didedahkan dengan seni persembahan Wayang Kulit Wong”. Namun begitu, terdapat 6.7% responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.



Graf 6: Pernyataan Mengenai Persepsi Masyarakat Sama Ada Pernah Menyertai Persembahan Wayang Kulit Wong


Graf di atas menunjukkan sebanyak 60% orang responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini membuktikan bahawa ramai masyarakat Parit Raja tidak pernah menyertai acara seni persembahan Wayang Kulit Wong. Di samping itu, terdapat 3.3% responden yang bersetuju dengan pernyataan ini.



Graf 7: Pernyataan Mengenai Minat Terhadap Seni Persembahan Wayang Kulit Wong

Graf di atas dapat dilihat bahawa sebanyak 6.7% responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa adanya masyarakat Parit Raja yang tidak berminat dengan seni persembahan Wayang Kulit Wong. Walaubagaimanapun, terdapat sebanyak 36.7% responden yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Jelaslah bahawa ramai masyarakat Parit Raja mempunyai minat terhadap seni persembahan Wayang Kulit Wong.

MALAYSIA  
KELANTAN



Graf 8: Pernyataan Mengenai Masyarakat Sama Ada Yakin Bahawa Persembahan Wayang Kulit Wong Perlu Dipersembahkan Kepada Masyarakat Umum Sekitar Parit Raja

Graf di atas menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu sebanyak 46.7% sangat bersetuju dengan pernyataan di atas. Hal ini membuktikan bahawa seni persembahan Wayang Kulit Wong perlu dipersembahkan kepada masyarakat umum termasuklah di Parit Raja supaya lebih ramai mengetahui akan teater ini. Hal ini secara tidak langsung dapat mendedahkan sedikit sebanyak mengenai seni persembahan Wayang Kulit Wong yang semakin ditelan arus pemodenan. Secara keseluruhannya, sebanyak 13.4% tidak bersetuju dengan pernyataan di atas.

#### 4.3 MENGANALISIS KAEDAH YANG BERSESUAIAN UNTUK MEMELIHARA WAYANG KULIT WONG DI PARIT RAJA, JOHOR

Kaedah merupakan cara atau strategi dalam melakukan sesuatu terutamanya yang bersistem atau yang biasa. Berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan, pengkaji mendapati bahawa rata-rata responden mencadangkan untuk menggunakan teknologi moden selaras dengan peredaran zaman.

Pada pendapat anda, apakah langkah yang bersesuaian bagi mengekalkan wayang kulit wong di Parit Raja, Johor?

30 responses

- Sentiasa mengadakan persembahan wayang wong pada majlis-majlis besar
- Perbanyakn filem mengenai wayang kulit..dan melakukan pendedahan melalui media sosial
- Mempromosikan wayang kulit wong kepada orang luar kawasan negeri Johor
- Mendedahkan wayang kulit wong ke golongan muda dan kepada masyarakat negeri lain
- Melahirkan golongan perintis agar wayang kulit wong tidak dilupakan oleh masyarakat
- Mengadakan festival tentang budaya wayang kulit wong, mengalakkan pelajar sekolah menyertai pertandingan, pameran tentang budaya ini di paparkan
- Promosi
- Jadikan sebaadai salah satu hiburan tahunan di Malavsia. Wuiudkan kelas untuk belaiar wavang kulit ni

Gambar 5: Cadangan Responden Menerusi Borang Soal Selidik Atas Talian

Pada pendapat anda, apakah langkah yang bersesuaian bagi mengekalkan wayang kulit wong di Parit Raja, Johor?

30 responses

- Jadikan sebagai salah satu hiburan tahunan di Malaysia. Wujudkan kelas untuk belajar wayang kulit ni terutama untuk pelapis? muda.
- Mengadakan pertunjukan dan iklan berkaitan wayang kulit wong
- kenapa nak buat kat parit raja je? perkenalkan kepada rakyat malaysia
- Diserapkan dan dibincangkan kepada generasi muda
- Mempromosikan wayang kulit wong kepada orang luar kawasan negeri Johor
- Mengadakan festival seni kebudayaan masyarakat setempat serta menggunakan sosial media untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kewujudan wayang kulit wong di parit raja.
- Dedahkan kepada anak anak muda
- Mengadakan sambutan/ acara tahunan bagi negeri Johor

Gambar 6: Cadangan Responden Menerusi Borang Soal Selidik Atas Talian

Pada pendapat anda, apakah langkah yang bersesuaian bagi mengekalkan wayang kulit wong di Parit Raja, Johor?

30 responses

Pada pandangan saya, wayng kulit wong ini perlu dipertengahan dalam karnival kesenian negeri bagi mengangkat nilai warisan wayang kulit ini dan secara tidak langsung memberi pengetahuan dan pendedahan kepada generasi kini akan wayang kulit ini. Warisan ini boleh dijadikan sebagai warisan tidak ketara dengan perkongsian ilmu terhadap wayang kulit tersebut.

Recruit orang awam

Masukkan dalam silibus pembelajaran di sekolah

Jadikan sebagai persembahan bulanan atau tahunan di jkkn johor

Melahirkan golongan perintis agar wayang kulit wong tidak dilupakan oleh masyarakat

Menggalakkan setiap lapisan menyertai program wayang Kulit Wong  
Media massa memainkan peranan berkongsi pengetahuan tentang wayang kulit Wong ini.  
Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan bertindak mempromosi wayang Kulit Wong ini

Komersial global

Gambar 7: Cadangan Responden Menerusi Borang Soal Selidik Atas Talian

Pada pendapat anda, apakah langkah yang bersesuaian bagi mengekalkan wayang kulit wong di Parit Raja, Johor?

30 responses

Menerangkan dan menunjukkan keunikan wayang kulit wong kepada generasi muda.

Sentiasa membuat persembahan di sekitar kawasan tersebut

Promosi

Mempelbagaikan aktiviti

Mengadakan pementasan di parit raja secara besar besaran

Hebahan di media sosial

Perbanyakn filem mengenai wayang kulit..dan melakukan pendedahan melalui media sosial

Sentiasa mengadakan persembahan wayang wong pada majlis-majlis besar

Mengadakan festival tentang budaya wayang kulit wong, mengalakkan pelajar sekolah menyertai pertandingan, pameran tentang budaya ini di paparkan

Gambar 8: Cadangan Responden Menerusi Borang Soal Selidik Atas Talian

Menerusi borang soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji secara atas talian, seramai 29 daripada 30 orang responden yang memberi kerjasama dalam

memberikan pendapat mengenai kaedah yang bersesuaian bagi mengekalkan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor. Majoriti responden mencadangkan untuk menggunakan dan memanfaatkan teknologi yang ada pada zaman kini. Hal ini kerana teknologi kini memudahkan kegiatan dan pekerjaan yang dilakukan sehari-hari. Penggunaan teknologi moden dapat mengubah persekitaran termasuklah dengan pencarian maklumat secara dihujung jari.

#### **4.3.1 Mempromosikan Wayang Kulit Wong Menggunakan Aplikasi Media Sosial**

Antara cadangan yang dikemukakan responden ialah mempromosikan seni persembahan Wayang Kulit Wong menggunakan aplikasi media sosial. Dalam meniti arus kemodenan ini, aplikasi media sosial merupakan sesuatu yang tidak asing lagi bagi masyarakat. Masyarakat telah didedahkan dengan pelbagai aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Tiktok dan lain-lain. Media sosial merupakan sebuah platform penting untuk berkomunikasi, berhubung, berkongsi maklumat dan sebagainya.

Promosi persembahan Wayang Kulit Wong menggunakan media sosial merupakan salah satu langkah yang sangat membantu dalam memelihara dan memulihara seni budaya ini. Sebagai contoh, membangunkan saluran Youtube khusus untuk mempromosi Wayang Kulit Wong. Menerusi saluran Youtube tersebut, pihak berkepentingan boleh menghasilkan sebuah klip video persembahan Wayang Kulit Wong, latihan Wayang Kulit Wong, wawancara berkaitan Wayang Kulit Wong dan lain-lain. Kemudian, pihak berkepentingan perlulah mengambil inisiatif untuk sentiasa mempromosikan saluran Youtube tersebut ke jabatan-jabatan yang lain. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik perhatian lebih ramai masyarakat untuk menonton klip video berkaitan Wayang Kulit Wong tersebut. Menurut Puan Hafizah iaitu seorang pegawai di Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, Johor menyatakan media sosial merupakan sebuah platform yang penting dan berpengaruh kepada semua individu pada masa kini.

Pada pendapat saya selaku pegawai yang menjalankan penyelidikan, kami juga selari dgn misi dan visi jabatan kami iaitu mempergiatkan usaha dan mengekalkan seni budaya, bagaimana kami hendak memelihara dan mengekalkan seni persembahan khususnya persembahan Wayang Kulit Wong adalah kita memerlukan promosi yang giat dalam usaha memelihara dan memulihara Wayang Kulit Wong untuk sampai ke peringkat yang lebih tinggi. Promosi yang dimaksudkan bukan hanya dari pihak kami sahaja, malahan promosi ke mana-mana agensi. Contohnya, jabatan kami mempromosi seni persembahan ini kepada jabatan-jabatan lain dan mereka meneruskan usaha mempromosi kepada jabatan lain pula. Ini bermakna promosi yang dilakukan akan menjadi berterusan kerana jabatan mereka pun turut sama mempromosi persembahan ini.

(Puan Hafizah, 2021)

Jelaslah menunjukkan bahawa aplikasi media sosial merupakan sebuah platform yang penting dan berguna dalam mendapatkan maklumat di samping mempromosikan seni persembahan Wayang Kulit Wong. Pihak-pihak berkepentingan turut memainkan peranan penting dalam mempromosi secara giat supaya seni persembahan wayang ini sentiasa kekal relevan.

#### **4.3.2 Kolaborasi Bersama Pihak Berkepentingan Yang Lain**

Selain itu, cadangan responden adalah membuat sebuah kolaborasi antara pihak Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, Johor dengan pihak berkepentingan yang lain. Kolaborasi adalah jalinan kerjasama antara satu pihak dalam melakukan sesuatu tugas. Seperti yang diketahui umum, pandemik Covid-19 yang melanda telah membuatkan masyarakat hidup dalam norma baharu dan aktiviti yang dilakukan terbatas bagi mengekang penularan wabak ini. Oleh yang demikian, pihak-pihak berkepentingan perlu mengambil inisiatif supaya kesenian warisan kekal relevan pada



masa akan datang. Sebagai contoh, pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor menjalinkan kerjasama bersama pihak Yayasan Warisan Johor untuk mengadakan persembahan secara atas talian khususnya persembahan Wayang Kulit Wong. Tujuan kolaborasi ini adalah untuk memartabatkan warisan budaya menerusi seni tari dan lakon dan pada sama yang sama ingin menunjukkan sebuah kerjasama yang baik antara pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor dengan pihak Yayasan Warisan Johor. Oleh itu, jalinan usaha antara dua organisasi berbeza dapat ditonjolkan melalui inisiatif kolaborasi bersama. Responden turut menyatakan sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan yang lain sangat penting dalam memelihara dan memulihara kesenian.

“Pandangan saya, sokongan berterusan daripada pihak berkepentingan seperti pihak JKKN Johor yang menjaga seni budaya di peringkat persekutuan amat diperlukan. Sebagai contoh: Seperti yang kita tahu Yayasan Warisan Johor turut aktif dalam memelihara kesenian. Sokongan yang dimaksudkan adalah dimana pihak JKKN Johor mempunyai misi dan visi yang sama iaitu memartabatkan kesenian. Oleh itu, perlulah diwujudkan kolaborasi antara JKKN Johor dengan Yayasan Warisan Johor supaya dapat memantapkan lagi kesenian tersebut. Bukan pihak JKKN sahaja yang perlu memelihara kesenian ini akan tetapi kumpulan yang ditubuhkan perlu bersama-sama meneruskan usaha untuk memelihara kesenian ini. Oleh itu, konsisten antara ahli kumpulan yang ditubuhkan perlu ada supaya dikenali orang ramai dan kumpulan tersebut boleh berkolaborasi bersama jabatan lain. Hal ini bermakna JKKN yang mula mengambil langkah untuk memulakannya tetapi kumpulan yang ditubuhkan itu sendiri yang perlu meneruskan usaha ini.

(Puan Hafizah, 2021)

### 4.3.3 Mengadakan Bengkel Seni Teater

Antara cadangan responden adalah memperkenalkan kesenian warisan ini kepada golongan muda. Jadi, pihak berkepentingan perlu mengambil langkah untuk mengadakan bengkel seni teater supaya dapat menyebarkan ilmu dan pengetahuan berkaitan kesenian yang ada khususnya Wayang Kulit Wong. Pihak berkepentingan harus melantik seorang yang mahir dalam bidang teater atau seni lakon dan tari supaya mampu mengurus sepanjang bengkel tersebut dilaksanakan. Menerusi bengkel ini, ia dapat mengembangkan lagi kesenian bukan sahaja dari segi maklumat semata-mata malahan dari aspek kemahiran. Hal ini kerana, bengkel tersebut dilaksanakan secara amali. Penyertaan boleh dibuka kepada pelajar samada pelajar sekolah rendah, sekolah menengah mahupun pihak universiti. Bengkel yang diadakan dapat mengisi masa lapang pelajar yang menyertai di samping dapat mencungkil bakat mereka. Dalam pada itu, pihak berkepentingan perlu berhubung dengan jabatan lain dalam menganjurkan sebuah bengkel seni teater seperti Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara. Hal ini bagi memudahkan masyarakat mengetahui mengenai kesenian Wayang Kulit Wong. Oleh itu, bengkel seni teater wajarlah diadakan dengan kerap agar golongan muda sentiasa terdedah dengan kesenian warisan.

### 4.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Wayang Kulit Wong merupakan seni persembahan yang hampir dilupakan masyarakat. Walaubagaimanapun, pihak-pihak berkaitan perlulah memainkan peranan penting dalam memelihara dan memulihara seni persembahan Wayang Kulit Wong. Analisis yang dilakukan oleh pengkaji merangkumi tiga aspek iaitu mengenalpasti sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor, mengkaji persepsi masyarakat di Parit Raja, Johor dan menganalisis kaedah yang bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong.

Menerusi kaedah yang digunakan, pengkaji telah memperoleh maklumat dan data yang tepat hasil daripada jawapan yang telah diberikan oleh responden berdasarkan pengalaman dan persepsi terhadap seni persembahan Wayang Kulit Wong. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif merupakan kaedah yang digunakan pengkaji bagi mengumpul data dan maklumat. Menerusi pendekatan kualitatif, pengkaji telah melakukan temubual bersama dua orang informan iaitu Puan Hafizah Hasan dan Encik Anuar Jamingan manakala menerusi pendekatan kuantitatif pula pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada masyarakat yang menetap di Parit Raja, Johor. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual bagi mendapatkan data persoalan kajian yang pertama. Kemudian, pengkaji menggunakan kaedah temubual dan soal selidik untuk memperoleh maklumat persoalan kajian yang kedua dan ketiga.

Kerangka teori yang digunakan pengkaji berkait rapat dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji mengaplikasikan teori semiotik dalam kajian ini. Teori semiotik merupakan sistem berkaitan tanda. Semiotik terbahagi kepada beberapa bahagian. Menerusi dapatan kajian, semiotik struktural yang digunapakai pengkaji merupakan semiotik yang khusus untuk meneliti sistem tanda yang dimanifestasikan melalui struktur bahasa. Dalam konteks ini, pengkaji mendapatkan maklumat melalui informan yang menggunakan tanda dan menurunkannya kepada makna yang tertentu tentang perkara yang dirujuk sebagai tanda iaitu menerusi persembahan Wayang Kulit Wong. Oleh itu, pihak-pihak berkepentingan wajar memainkan peranan dalam mengekalkan kesenian Wayang Kulit Wong yang kian dilupakan masyarakat kini. Hal ini kerana dapat memperkenalkan warisan ini kepada generasi akan datang sekaligus memartabatkan warisan.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.0 PENGENALAN**

Malaysia sememangnya tidak dapat dinafikan mempunyai kebudayaan dan kesenian yang tersendiri. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya pelbagai jenis seni persembahan yang melambangkan identiti bagi setiap negeri. Antaranya ialah kuda kepong, ulek mayang, tarian zapin, Wayang Kulit Wong dan sebagainya. Seni persembahan seperti ini terhasil daripada kreativiti masyarakat zaman dahulu dan kebiasaannya berkait dengan pelbagai unsur. Negeri Johor merupakan sebuah negeri yang kaya dengan adat dan budaya yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat daripada konteks seni persembahan Wayang Kulit Wong yang mana banyak menggabungkan budaya dari luar.

Aspek dalam bab ini merumuskan mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu pengekalan terhadap Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor. Setiap bab yang dibuat oleh pengkaji menjelaskan mengenai pelbagai aspek seperti pengenalan secara ringkas mengenai Wayang Kulit Wong, sorotan kajian, metodologi kajian dan sebagainya.

bermula, bagaimanakah persepsi masyarakat di Parit Raja, Johor mengenai Wayang Kulit Wong dan apakah kaedah yang bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong. Persoalan kajian yang ditetapkan adalah berkaitan dengan objektif kajian.

yang dihadapi iaitu ketidakpedulian masyarakat dalam memelihara Wayang Kulit Wong sehinggakan masyarakat kini kurang mengenali akan kategori seni persembahan ini. Masalah ini sepatutnya dibendung kerana Wayang Kulit Wong telah lama bertapak di Negeri Johor. Usaha dalam mengekalkan Wayang Kulit Wong sangat penting agar relevan pada masa akan datang. Terdapat tiga persoalan kajian yang telah dinyatakan iaitu bilakah sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor telah Dalam bahagian bab awal telah menghuraikan mengenai tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji. Bab ini menerangkan sedikit sebanyak mengenai seni persembahan wayang kulit wong di samping menerangkan permasalahan kajian yang samping itu, bab ini turut menjelaskan mengenai teori yang digunakan pengkaji dalam melaksanakan kajian ini iaitu teori semiotik.

Selain itu, pengkaji telah menerangkan mengenai sorotan kajian pada bab dua. Sorotan kajian merupakan hasil karya yang telah dilakukan oleh pengkaji lain. Setiap maklumat yang diperoleh dalam bab ini adalah berpandukan kepada kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Pengkaji turut menerangkan beberapa definisi terma yang digunakan dalam kajian ini seperti terma wayang, persepsi dan sebagainya. Kemudian, pengkaji telah menghuraikan mengenai sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong menggunakan rujukan laporan yang dilakukan pengkaji terdahulu. Akhir sekali, pengkaji menyimpulkan keseluruhan mengenai sorotan kajian yang diperolehi.

Seterusnya, bab tiga membincangkan mengenai metodologi penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi melaksanakan kajian ini. Bagi pendekatan kualitatif, pengkaji telah melakukan kaedah temubual bersama beberapa orang responden bagi mendapatkan maklumat mengenai seni persembahan Wayang Kulit Wong. Melalui pendekatan kuantitatif pula, pengkaji menggunakan kaedah persampelan. Hal ini adalah kerana masyarakat yang tinggal di kawasan Parit Raja adalah ramai dan pengkaji memfokuskan kepada 30 orang responden sahaja bagi menjawab soal selidik. Dalam konteks ini, pengkaji telah menggunakan teknik snowball dalam pemilihan sampel berdasarkan cadangan yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain bagi menjawab persoalan kajian.

Dalam bab ini juga menjelaskan mengenai rekabentuk kajian. Rekabentuk kajian merujuk kepada cara pengkaji mengendalikan kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji turut membuat carta alir rekabentuk kajian dalam bab tersebut. Hal ini adalah untuk memberi gambaran mengenai proses kajian yang akan dilakukan. Data dan maklumat yang diperoleh pengkaji merangkumi dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Kemudian, pengkaji turut melakukan penganalisan data supaya dapat menjawab permasalahan kajian yang telah diutarakan.

Dalam bab empat pula, pengkaji telah menerangkan mengenai dapatan kajian secara terperinci. Maklumat yang diperoleh adalah berdasarkan hasil temubual beberapa orang responden seperti pegawai Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor (JKKN) dan beberapa orang masyarakat yang tinggal di kawasan Parit Raja. Pengkaji berjaya mencapai kesemua objektif yang telah ditetapkan. Pengkaji dapat menjelaskan mengenai sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Parit Raja bermula, persepsi masyarakat mengenai Wayang Kulit Wong dan kaedah yang bersesuaian dalam memelihara Wayang Kulit Wong.

## **5.1 PERBINCANGAN**

Seni persembahan Wayang Kulit Wong wajarlah dipelihara supaya ia kekal relevan hingga ke generasi seterusnya. Wayang Kulit Wong ini tidak dinafikan mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Wayang Kulit Wong pada awal kewujudannya adalah bermula dengan kedatangan rakyat Indonesia ke Tanah Melayu semasa Negara Indonesia menjadi sebuah republik. Johor merupakan penempatan awal bagi masyarakat Jawa yang berhijrah. Penghijrahan mereka ke Negeri Johor membawa pengaruh kebudayaan dan kesenian Jawa termasuklah seni wayang ini. Jadi, tidak hairanlah jika Wayang Kulit Wong menjadi salah satu kebudayaan bagi masyarakat Jawa yang tinggal di Johor.



Sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di selatan Tanah Melayu dikatakan bermula di Muar. Pada ketika itu, seorang dalang iaitu Abdul Kadir atau Pak Kadirman dikatakan telah membawa masuk Wayang Kulit Wong ke daerah Muar. Sejak dari itulah Wayang Kulit Wong ini mula berkembang di daerah Muar. Kemudian, Wayang Kulit Wong mula berkembang ke daerah-daerah lain berikutan ramai penghijrah dari Jawa telah datang ke Johor. Antara daerah tersebut adalah Batu Pahat yang mana wayang ini telah dipelopori oleh Wak Margono Sitir. Beliau telah menubuhkan sebuah pasukan yang diketuai oleh rakan seperjuangannya iaitu Wak Pondo. Lanjutan daripada itu, wayang kulit ini telah berkembang dan menjadi hiburan kepada masyarakat Jawa yang tinggal di Johor terutamanya di daerah Batu Pahat.

Hasil daripada dapatan kajian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Wayang Kulit Wong tidak mempunyai ramai pelapis untuk meneruskan seni tradisi ini pada masa akan datang. Generasi muda kini dilihat semakin leka berikutan perkembangan teknologi yang ada pada masa kini. Mereka lebih gemar menonton persembahan moden berbanding tradisional. Hal ini kerana generasi muda terlalu mementingkan hiburan semata-mata berbanding dengan kesenian warisan yang memerlukan penghayatan untuk memahaminya.

Seni persembahan Wayang Kulit Wong merupakan sesuatu yang tidak asing lagi namun masih ramai lagi yang tidak mengetahui mengenai wayang ini. Hal ini kerana Wayang Kulit Wong lebih terkenal dalam kalangan masyarakat Jawa. Walaupun wayang ini pernah popular sebagai hiburan pada suatu ketika dahulu, namun ia semakin dilupai oleh masyarakat kini terutamanya apabila kebanyakan yang mahir dalam seni ini telah meninggal dunia. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi mengembalikan semula seni persembahan Wayang Kulit Wong supaya dikenali masyarakat terutamanya golongan muda. Antaranya seperti pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor mempersembahkan Wayang Kulit Wong agar mereka mengenali dan tidak memandang enteng seni budaya ini.

## 5.2 CADANGAN DAN SARANAN

Wayang Kulit Wong merupakan sebuah seni tradisi Indonesia. Seni persembahan wayang ini masih lagi kekal tetapi kurang dipersembahkan. Setelah kajian ini dijalankan, pengkaji telah memperoleh maklumat mengenai sejarah, persepsi masyarakat dan kaedah bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong. Dalam konteks ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa inisiatif atau langkah bagi mengekalkan Wayang Kulit Wong di peringkat masyarakat, pendidikan mahupun kerajaan.

### 5.2.1 Cadangan Di Peringkat Masyarakat

Menerusi pemeliharaan seni persembahan Wayang Kulit Wong, masyarakat turut memainkan peranan penting agar seni ini sentiasa relevan pada masa akan datang. Masyarakat di Johor khususnya merupakan orang yang penting dalam pemeliharaan Wayang Kulit Wong. Hal ini kerana masyarakat di Johor terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam seni persembahan ini. Tambahan pula, majoriti masyarakat yang tinggal di Johor mengetahui kewujudan seni wayang ini. Oleh itu, masyarakat Johor wajarlah memainkan peranan dalam usaha pemeliharaan Wayang Kulit Wong dengan menubuhkan pasukan khusus untuk mencari pelapis demi mempertahankan wayang kulit ini.

Hal ini kerana dapat menjadi platform terbaik bagi mengekalkan kesenian Wayang Kulit Wong di Johor. Pasukan tersebut perlu mengadakan sesi latihan dan kemudiannya sesi pemilihan pelapis. Penglibatan golongan muda amat digalakkan kerana mampu mengelakkan mereka daripada terjebak dengan hal negatif tanpa hala tuju. Dengan adanya pasukan ini juga dapat memberi pendedahan secara meluas mengenai Wayang Kulit Wong ini. Jadi, seni persembahan wayang ini boleh dipromosikan di peringkat yang lebih tinggi.

### 5.2.2 Cadangan Di Peringkat Pendidikan

Inisiatif lain bagi memelihara Wayang Kulit Wong adalah dengan memasukkan Wayang Kulit Wong ke dalam silibus pembelajaran di sekolah. Sukatan mata pelajaran di sekolah haruslah ditambahkan ke dalam elemen seni persembahan Wayang Kulit Wong. Sebagai contoh, memasukkan elemen Wayang Kulit Wong ke dalam subjek pendidikan seni. Hal ini akan membuat pelajar mengenali mengenai seni persembahan tradisional yang dilihat semakin ditelan zaman. Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia boleh berkolaborasi bersama pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri dalam menjayakan silibus baru. Hal ini disebabkan oleh Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri (JKKN) menyimpan pelbagai bahan mengenai seni persembahan tradisional dan boleh membuat rakaman berkaitan Wayang Kulit Wong. Oleh itu, rakaman tersebut boleh dimasukkan ke dalam silibus sejarah. Sebagai contoh, penggunaan apps *Frog Education* yang mana sangat membantu dalam pembelajaran pelajar. Pelajar bukan sahaja boleh belajar di dalam bilik darjah malahan boleh diakses apabila mereka di rumah memandangkan pelajar zaman sekarang mempunyai gajet tersendiri. Oleh itu, dapat dilihat jalinan usaha antara Kementerian Pendidikan Malaysia bersama pihak Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri dengan menambah elemen baru dalam silibus pembelajaran.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam memperkenalkan teknik pembelajaran yang berbeza di sekolah. Dalam konteks ini, pelajar boleh menjalani sesi pembelajaran di dalam bilik darjah dan luar bilik darjah. Sebagai contoh, guru membawa pelajar ke Pusat Seni Persembahan untuk mengenali jenis-jenis seni persembahan tradisional yang ada. Jelaslah bahawa kaedah pembelajaran yang berbeza ini dapat menarik minat pelajar untuk mengenali dan mendalami seni persembahan tradisional.

### **5.2.3 Cadangan Di Peringkat Kerajaan**

Pihak berkepentingan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri boleh bekerjasama dengan pihak Jabatan Pelancongan Negeri dalam menganjurkan festival kesenian. Seni persembahan Wayang Kulit Wong misalnya boleh dipersembahkan selama festival seni kebudayaan itu berlangsung. Festival ini bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan muda dalam mengenali khazanah kesenian dan kebudayaan supaya tidak ditelan zaman. Menerusi festival seperti ini turut dapat mencungkil bakat terpendam masyarakat menerusi pertandingan-pertandingan yang diadakan.

Selain itu, seni persembahan Wayang Kulit Wong boleh diselitkan dalam festival seni kebudayaan anjuran pihak universiti. Seperti yang diketahui umum, kebiasaannya festival yang dianjurkan oleh pihak universiti sering mendapat sambutan hangat. Hal ini kerana adanya kehadiran pengunjung yang terdiri daripada pelajar dan bukan pelajar ke dalam festival tersebut. Festival seni kebudayaan ini penting supaya dapat menyemarakkan lagi aktiviti berkaitan dengan seni dan budaya.

### **5.3 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, bab ini merupakan sebuah penjelasan secara menyeluruh mengenai setiap bab dalam penyelidikan yang ditulis oleh pengkaji. Bab ini adalah bab yang terakhir yang mana memastikan objektif-objektif pengkaji telah dicapai. Pengkaji dapat mengenalpasti sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor. Seterusnya, pengkaji dapat mengkaji persepsi masyarakat di Parit Raja mengenai Wayang Kulit Wong kerana sememangnya wayang ini mula bertapak di Negeri Johor. Akhir sekali, pengkaji juga turut dapat membincangkan kaedah yang bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong ini.

Di samping itu, pengkaji juga telah menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian supaya memperoleh data dan maklumat yang relevan. Hal ini dapat dilihat daripada kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji. Pengkaji telah mengumpulkan data melalui individu yang mengetahui akan seni persembahan Wayang Kulit Wong di Parit Raja seperti Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN) Johor dan masyarakat setempat yang tinggal di kawasan berkenaan.

Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji adalah menerusi kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif yang digunakan pengkaji membolehkan pengkaji memperoleh maklumat secara langsung daripada responden yang pernah terlibat dan mengetahui mengenai Wayang Kulit Wong ini melalui proses temubual. Hal ini kerana responden yang ditemubual mempunyai maklumat yang terperinci mengenai Wayang Kulit Wong boleh menjawab kepada objektif kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Pengkaji turut menggunakan kaedah persampelan dalam pendekatan kuantitatif. Persampelan merupakan satu langkah yang dijalankan oleh pengkaji bagi memperoleh maklumat daripada sampel yang dapat mewakili keseluruhan populasi.


Dalam penyelidikan ini, pengkaji berjaya mencapai kesemua objektif yang telah ditetapkan. Analisis yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa bukan semua masyarakat Johor terutamanya golongan muda mengetahui mengenai seni persembahan Wayang Kulit Wong. Hal ini demikian masyarakat zaman kini leka dengan perkembangan teknologi yang menyebabkan mereka kurang mengambil berat terhadap persembahan tradisional. Dari konteks sejarah dan perkembangan pula, pengkaji telah menjelaskannya secara terperinci di dalam bab dapatan data.

Pengkaji juga berharap bahawa kajian yang telah dijalankan ini akan menjadi sumber rujukan kepada pengkaji lain kerana kajian terhadap pengekalan Wayang Kulit Wong di Parit Raja, Johor merupakan sebuah kajian yang menarik. Di samping itu, kajian ini turut memberikan gambaran mengenai sejarah dan perkembangan seni persembahan Wayang Kulit Wong pada masa dahulu sehinggalah ia bertapak di Negeri Johor. Oleh itu, dalam usaha mengekalkan seni persembahan tradisional di negara ini,


kita perlulah berusaha untuk memeliharanya supaya dikenali oleh generasi kini dan seterusnya generasi akan datang.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

FTKWW



## BIBLIOGRAFI

- Boon Jong Fook. (2018). Nang Talung di Kedah dan Perlis: Satu Kajian Terhadap Aspek Persembahan. Universiti Sains Malaysia.
- Creswell, J. W. & Plano Clark. V. L. (2007). *Designing And Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks. CA: Sage.
- Creswell, J., W. (2009). *Research Design, Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*. London: Sage Publications Ltd.
- Demarrais, E., & Robb, J. (2013). *Art Makes Society: An Introductory Visual World* Art 2013 Vol. 3, No 1, 3-22.
- E. Suspendi. (2007). "Wayang Orang Sebagai Pertunjukan Teater Tradisional dalam Tinjauan Semiotika: (Sebuah Kajian Awal)," *Gelar*, vol. 5, no. 1, pp. 54–72, 2007.
- Fatkur Rohman Nur Awal. (2018). *Sejarah Perkembangan dan Perubahan Fungsi Wayang Dalam Masyarakat*. IAIN Tulungagung, Jl. Mayor Sujadi Timur. No. 46 Plosokandang, Kedungwaru, Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia.
- Hasyimah Kamaroul Zaman. (2017). *Satu Kajian Keatas Penerimaan Penonton Terhadap Seni Persembahan Dondang Sayang Di Melaka*. Sarawak: Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif Universiti Malaysia Sarawak.

Komang Redy Winatha. (n.d). Sacred Wayang Kulit Wong In Sidan Village In Facing Digital Culture. Stmik Stikom Indonesia, Denpasar, Bali, Indonesia.

Nurasikim Binti Nawyi. (2017). Persepsi Masyarakat Terhadap Seni Persembahan Rodat Di Kampung Pasir Panjang, Terengganu. Sarawak: Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif Universiti Malaysia Sarawak.

Yusof, R. (2010). Asas Sains Sosial: Dari Perspektif Sosiologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharul Lailiddin bin Saidon. (2014). Kelestarian dan Pengkomersialan Seni Persembahan Tradisional Melayu Dalam Konteks Industri Kreatif: Cabaran & Peluang. Menara Martrade Kuala Lumpur.

## LAMPIRAN

### SOALAN TEMUBUAL

#### TAJUK: PENGEKALAN WAYANG KULIT WONG DI PARIT RAJA, JOHOR

##### **Objektif 1: Mengenalpasti sejarah dan perkembangan Wayang Kulit Wong Di Parit Raja, Johor**

1. Sejauh manakah Puan mengetahui mengenai Wayang Kulit Wong?
2. Bagaimanakah Wayang Kulit Wong boleh bertapak di Johor?
3. Bolehkah Puan menceritakan serba sedikit mengenai sejarah perkembangan Wayang wong?

##### **Objektif 2: Mengkaji persepsi masyarakat Parit Raja, Johor mengenai Wayang Kulit Wong**

1. Bagaimanakah persepsi masyarakat di Parit Raja mengenai seni persembahan wayang kulit wong?
2. Adakah Wayang Kulit Wong ini didedahkan kepada golongan remaja?

##### **Objektif 3: Menganalisis kaedah bersesuaian untuk memelihara Wayang Kulit Wong**

1. Siapa yang bertanggungjawab memainkan peranan dalam mengekalkan warisan seni Wayang Kulit Wong?
2. Pada pendapat anda, apakah langkah yang bersesuaian untuk mengekalkan persembahan Wayang Kulit Wong di Parit Raja?